

**PEMETAAN TERHADAP MASJID LAMA DI NEGERI
PAHANG SEBAGAI BUKTI KEPRIHATINAN
MASYARAKAT SETEMPAT TERHADAP ASET
WARISAN YANG PERLU DIPERLIHARA**

NORLAILA BINTI MAT YUSOF

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN
DENGAN KEPUJIAN**

2021



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**PEMETAAN TERHADAP MASJID LAMA DI NEGERI
PAHANG SEBAGAI BUKTI KEPRIHATINAN
MASYARAKAT SETEMPAT TERHADAP ASET WARISAN
YANG PERLU DIPERLIHARA**

DISEDIAKAN OLEH:

NORLAILA BINTI MAT YUSOF

Laporan Projek Akhir Ini Dikemukakan Sebagai Syarat Dalam
Memenuhi Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan
Dengan Kepujian.

**Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
2021**

PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh _____ hingga _____

SULIT (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*

TERHAD (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama

Tandatangan Penyelia

NORLAILA BINTI MAT YUSOF

PUAN FARRAH ATIKAH BINTI SAARI

Tarikh:

Tarikh:

Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

PENGAKUAN

Projek bertajuk “Pemetaan Terhadap Masjid Lama Di Negeri Pahang Sebagai Bukti Keprihatinan Masyarakat Setempat Terhadap Aset Warisan Yang Perlu Dipelihara” telah disediakan oleh **(NORLAILA BINTI MAT YUSOF)** dan telah diserahkan kepada Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan (FTKW) sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian (**Konservasi Warisan**).

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

Diterima untuk diperiksa oleh:

(Puan Farrah Atikah Binti Saari)

Tarikh:

PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dah kurniaNya, projek penyelidikan ini telah dapat saya sempurnakan pada masa yang ditetapkan meskipun terdapat beberapa kekangan yang perlu ditempuh dalam usaha untuk melengkapkan projek penyelidikan ini.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada penyelia projek penyelidikan saya iaitu Puan Farrah Atikah Binti Saari atas nasihat, bimbingan, bantuan serta sokongan sepanjang kajian penyelidikan ini dijalankan. Terima kasih kepada beliau kerana tidak jemu mengambil berat akan tugas para pelajar di bawah seliaan dan bimbingnya serta selalu memberikan pandangan dan pendapat beliau terhadap kajian yang telah saya laksanakan.

Seterusnya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa saya yang secara tidak langsung telah memberikan sokongan moral dan fizikal kepada saya dalam menyelesaikan kajian ini. Terima kasih juga kepada ibu bapa saya yang telah menyediakan segala keperluan yang diperlukan bagi kajian ini dilakukan secara lancar dan tidak mempunyai sebarang masalah. Ucapan penghargaan ini juga ditujukan kepada adik-beradik saya yang turut membantu sedikit sebanyak dalam menjalankan kajian ini. Bantuan serta sokongan fizikal dan moral daripada keluarga telah menjadi mendorong yang sentiasa membantu memberikan semangat agar saya tidak berputus asa menyelesaikan kajian penyelidikan ini.

Selain daripada keluarga, saya juga ini menyampaikan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan yang sentiasa memberikan bantuan ketika saya menghadapi kesukaran dalam menjalankan proses kajian penyelidikan. Sebelum saya mengundurkan diri, saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan serta semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyempurnakan projek penyelidikan ini. Semoga semua bantuan dan kerjasama yang diberikan ini mampu membuka lembaran baru terhadap dunia sejarah dan warisan di negara Malaysia ini.

**PEMETAAN TERHADAP MASJID LAMA DI NEGERI PAHANG SEBAGAI BUKTI
KEPRIHATINAN MASYARAKAT SETEMPAT TERHADAP ASET WARISAN YANG
PERLU DIPELIHARA**

ABSTRAK

Projek penyelidikan ini merupakan satu kajian “Pemetaan Terhadap Masjid Lama Di Negeri Pahang Sebagai Bukti Keprihatinan Masyarakat Setempat Terhadap Aset Warisan Yang Perlu Dipelihara”. Sejarah ini adalah sebuah sejarah yang sangat unik tetapi tidak diketahui orang ramai meskipun terdapat banyak bukti-bukti dan kajian yang menunjukkan kedatangan Islam ke negeri Pahang adalah lebih awal daripada kedatangan Islam pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Kedatangan Islam ke negeri ini telah menyebabkan berlakunya beberapa perubahan besar dalam kehidupan masyarakat negeri Pahang. Pengkaji memilih untuk menjalankan kajian berkenaan masjid-masjid lama di negeri Pahang kerana usaha untuk mengetengahkan isu berkaitan dengan hal-hal berkenaan agama Islam di negeri Pahang masih kurang mendapat sambutan dan tidak begitu mendapat perhatian yang sewajarnya. Hal ini telah menyebabkan berlakunya permasalahan seperti tiadanya data atau sebuah senarai rasmi yang boleh menyatakan kewujudan dan jumlah masjid-masjid lama yang terdapat di negeri pahang. Justeru, masalah ketiadaan maklumat penting ini menyebabkan kesukaran untuk mendapatkan data tepat mengenai masjid-masjid lama yang boleh dijadikan sebagai rujukan untuk menjalankan kajian ini. Kajian ini dilakukan untuk mencapai objektif yang ditetapkan iaitu untuk mengenal pasti senarai masjid-masjid lama yang terdapat di negeri Pahang serta mengkaji mengenai pengaruh rekabentuk tipologi fasad masjid-masjid lama yang terdapat di negeri Pahang. Objektif pengkaji juga adalah untuk mengetahui tahap keprihatinan masyarakat setempat terhadap usaha-usaha pemuliharaan masjid-masjid lama di negeri Pahang. Kaedah analisis dokumen, pemerhatian dan kaedah temubual akan dipraktikkan dalam menjalankan kajian penyelidikan ini. Lapan orang responden telah ditemubual bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan sejarah dan pengaruh rekabentuk tipologi fasad masjid-masjid lama. Kajian penyelidikan yang dijalankan juga telah berjaya mengetengahkan beberapa cadangan kajian lanjutan yang sesuai dilakukan oleh pengkaji akan datang. Kajian penyelidikan ini mengenal pasti nilai sejarah dan kepentingan masjid lama yang terdapat di negeri Pahang. Kajian ini juga akan memberikan kesedaran kepada masyarakat setempat bahawa masjid lama yang terdapat di kawasan mereka merupakan aset warisan yang perlu dipelihara.

Kata kunci : *aset warisan, keprihatinan, masjid lama negeri Pahang, pemetaan*

**MAPPING OF THE OLD MOSQUE IN THE STATE OF PAHANG AS EVIDENCE OF THE
LOCAL COMMUNITY'S CONCERN FOR HERITAGE ASSETS THAT NEED TO BE
PRESERVED**

ABSTRACT

This research project is a study ‘Mapping Of The Old Mosques In The State Of Pahang As Evidence Of The Local Community’s Concern For Heritage Assets That Need To Be Preserved’. The history is a very unique history but not known to the public although there is plenty of evidence and studies that show the arrival of Islam to the state is ahead of the arrival of Islam in the days of the Malacca Sultanate. The arrival of Islam to this state has caused some major changes in the lives of the people of Pahang. the researcher chose to conduct a study on the old mosques in the state of Pahang because efforts to highlight issues related to Islam in the state of Pahang are still lacking in response and did not get enough attention it deserved. This has led to problems such as the lack of data or an official list that can state the existence and number of old mosques in the state of Pahang. Thus, the problem of lack of important information makes it difficult to obtain the accurate data on the old mosques that can be used as a reference to conduct this study. This study was conducted to achieve the set of objectives which is to identify the list of old mosques in the state of Pahang as well to study the influence of the design of the façade typology of the old mosques in Pahang. the objective of the researcher is also to find out the level of concern of the local community towards the conservation efforts of the old mosques in Pahang. Document analysis methods, observation and interview methods will be practiced in conducting this research study. Eight respondents were interviewed to obtain information related to the history and influence of the typological design of the facades of the old mosques. The research conducted has also succeeded in highlighting some suggestions for further researches that are suitable to be done by future researchers. This research study identifies the historical values and importance of old mosques in Pahang. This study will also give awareness to the local community that the old mosques in their area are the heritages assets that need to be preserved.

Keywords : *concern, heritage assets, mapping, old mosques in Pahang*

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	vii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Permasalahan Kajian	4
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Persoalan Kajian	7
1.6 Kepentingan Kajian	8
1.6.1 Masyarakat	8
1.6.2 Institusi	8
1.6.3 Ekonomi Negara	9
1.6.4 Penyelidikan Ilmiah	10
1.7 Skop Kajian	11
1.8 Batasan Kajian	15

1.9	Definisi Terminologi	16
1.9.1	Masjid Lama	16
1.9.2	Pemuliharaan	17
1.9.3	Fasad	18
1.10	Penutup	19
BAB 2 SOROTAN KAJIAN		20
2.1	Pengenalan	20
2.2	Pengenalan Masjid Warisan	21
2.3	Pemuliharaan Bangunan Warisan	22
2.4	Masjid Lama Negeri Pahang	23
2.5	Seni Bina Masjid Lama di Malaysia	24
2.6	Kecacatan Dan Kerosakan Pada Bangunan Kayu	25
2.7	Senarai Masjid Lama Yang Terkenal Di Malaysia	25
2.8	Kepentingan Masjid Kepada Masyarakat	28
2.9	Keistimewaan Rekabentuk Tipologi Fasad Masjid Lama	29
2.10	Pengaruh Rekabentuk Masjid Lama di Malaysia	30
2.11	Struktur Dan Bahan Pada Masjid Lama	31
2.12	Tahap Keprihatinan Masyarakat Terhadap Kerja-Kerja Konservasi Masjid Lama	31
2.13	Penutup	33

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	35
3.1 Pengenalan	35
3.2 Rekabentuk Kajian	37
3.2.1 Pemerhatian	39
3.2.2 Catatan	39
3.2.3 Rakaman Foto	40
3.2.4 Temubual	40
3.2.5 Analisis Dokumen	41
3.3 Instrumen Kajian	41
3.4 Prosedur Pungutan Data	42
3.5 Jangkaan Dapatkan Kajian	43
3.6 Penutup	44
BAB 4 DAPATAN KAJIAN	45
4.1 Pengenalan	45
4.2 Analisis Demografi Responden	47
4.3 Masjid Negeri Lama, Kuala Lipis, Pahang	48
4.3.1 Sejarah Masjid Negeri Lama Kuala Lipis, Pahang	48
4.3.2 Pengaruh Rekabentuk Dan Tipologi Fasad Masjid Negeri Lama Kuala Lipis, Pahang	50
4.4 Masjid Lama Pulau Tawar, Jerantut, Pahang	51

4.4.1	Sejarah Masjid Lama Pulau Tawar, Jerantut, Pahang	51
4.4.2	Pengaruh Rekabentuk Dan Tipologi Fasad Masjid Lama Pulau Tawar, Jerantut, Pahang	53
4.5	Masjid Kampung Pantai, Chenor, Pahang	54
4.5.1	Sejarah Masjid Kampung Pantai, Chenor, Pahang	54
4.5.2	Pengaruh Rekabentuk Dan Tipologi Fasad Masjid Kampung Pantai, Chenor, Pahang	57
4.6	Masjid Lama Kampung Bolok Hilir, Temerloh, Pahang	61
4.6.1	Sejarah Masjid Lama Kampung Bolok Hilir, Temerloh, Pahang	61
4.6.2	Pengaruh Rekabentuk Dan Tipologi Fasad Masjid Lama Kampung Bolok Hilir, Temerloh, Pahang	63
4.7	Tahap Keprihatinan Masyarakat Terhadap Usaha-Usaha Pemuliharaan Masjid Lama Di Negeri Pahang	67
4.7.1	Masjid Negeri Lama, Kuala Lipis, Pahang	67
4.7.2	Masjid Lama Pulau Tawar, Jerantut, Pahang	72
4.7.3	Masjid Kampung Pantai, Chenor, Pahang	73
4.7.4	Masjid Lama Kampung Bolok Hilir, Temerloh Pahang	76
4.8	Penutup	78

BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN	79
5.1 Pengenalan	79
5.2 Perbincangan Dapatan Kajian	80
5.2.1 Sejarah Masjid-Masjid Lama Yang Terdapat Di Negeri Pahang	80
5.2.2 Pengaruh Rekabentuk Tipologi Fasad Masjid-Masjid Lama Yang Terdapat Di Negeri Pahang	82
5.2.3 Tahap Keprihatinan Masyarakat Setempat Terhadap Usaha-Usaha Pemuliharaan Masjid-Masjid Lama Di Negeri Pahang	83
5.3 Rumusan	84
5.4 Cadangan	85
5.5 Penutup	89
RUJUKAN	90
LAMPIRAN	92

SENARAI JADUAL

NO.		MUKA SURAT
3.2	Rekabentuk Kajian	38
4.2	Analisis Demografi Responden	47

SENARAI RAJAH

NO.		MUKA SURAT
1.2	Latar Belakang Kajian	4
1.7	Skop Kajian	12
1.7	Skop Kajian	13
1.7	Skop Kajian	13
1.7	Skop Kajian	14
2.4	Masjid Lama Negeri Pahang	23
2.5	Seni Bina Masjid Lama Di Malaysia	24
2.7	Senarai Masjid Lama Yang Terkenal Di Malaysia	26
2.7	Senarai Masjid Lama Yang Terkenal Di Malaysia	27
2.7	Senarai Masjid Lama Yang Terkenal Di Malaysia	28
3.1	Pengenalan	36
4.3.1	Sejarah Masjid Negeri Lama Kuala Lipis, Pahang	50
4.4.1	Sejarah Masjid Lama Pulau Tawar, Jerantut, Pahang	53
4.5.1	Sejarah Masjid Kampung Pantai, Chenor	56

4.5.1 Sejarah Masjid Kampung Pantai	56
4.5.2 Pengaruh Rekabentuk Dan Tipologi Fasad Masjid Kampung Pantai, Chenor, Pahang	59
4.5.2 Pengaruh Rekabentuk Dan Tipologi Fasad Masjid Kampung Pantai, Chenor, Pahang	59
4.5.2 Pengaruh Rekabentuk Dan Tipologi Fasad Masjid Kampung Pantai, Chenor, Pahang	60
4.5.2 Pengaruh Rekabentuk Dan Tipologi Fasad Masjid Kampung Pantai, Chenor, Pahang	60
4.6.1 Sejarah Masjid Lama Kampung Bolok Hilir, Temerloh	62
4.6.1 Sejarah Masjid Lama Kampung Bolok Hilir, Temerloh	63
4.6.2 Pengaruh Rekabentuk Dan Tipologi Fasad Masjid Lama Kampung Bolok Hilir, Temerloh	65
4.6.2 Pengaruh Rekabentuk Dan Tipologi Fasad Masjid Lama Kampung Bolok Hilir, Temerloh	65
4.6.2 Pengaruh Rekabentuk Dan Tipologi Fasad Masjid Lama Kampung Bolok Hilir, Temerloh	66
4.7.1 Masjid Negeri Lama Kuala Lipis	69
4.7.1 Masjid Negeri Lama Kuala Lipis	70
4.7.1 Masjid Negeri Lama Kuala Lipis	72
4.7.2 Masjid Lama Pulau Tawar, Jerantut, Pahang	73

4.7.3	Masjid Kampung Pantai, Chenor, Pahang	75
4.7.3	Masjid Kampung Pantai, Chenor, Pahang	76
4.7.4	Masjid Lama Kampung Bolok Hilir, Temerloh, Pahang	77

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kedatangan Islam ke Tanah Melayu telah membawa perubahan besar dalam sejarah kehidupan masyarakat melayu pada zaman tersebut. Sejarah kedatangan Islam di negeri Pahang adalah sebuah sejarah yang sangat unik tetapi tidak diketahui orang ramai. Terdapat bukti-bukti dan kajian yang menunjukkan kedatangan Islam ke negeri Pahang adalah lebih awal daripada kedatangan Islam pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Melalui kajian yang telah dilakukan, terdapat beberapa penemuan yang menjadi bukti kedatangan Islam di negeri Pahang (Muhammad Ikhlas Rosele, Rahimin Affandi Abdul Rahim, 2015).

Terdapat beberapa teori yang menerangkan mengenai kedatangan agama Islam ke negeri Pahang. Antara teori yang sering diperbahaskan adalah melalui perdagangan, perkahwinan, pendakwah, peranan pembesar-pembesar dan

melalui perperangan (Muhammad Ikhlas Rosele, Rahimin Affandi Abdul Rahim, 2015). Walaubagaimanapun, usaha untuk mengetengahkan isu berkaitan dengan hal-hal berkenaan agama Islam di negeri Pahang masih kurang mendapat sambutan dan tidak begitu mendapat perhatian yang sewajarnya.

Antara perubahan yang berlaku kepada masyarakat adalah munculnya institusi-institusi baru seperti surau, masjid dan bangunan madrasah. Pembinaan-pembinaan surau dan masjid ini sangat penting kepada masyarakat kerana dua bangunan ini merupakan rumah ibadat bagi masyarakat yang beragama Islam. Selain daripada berfungsi sebagai sebuah rumah ibadat, pembinaan surau dan masjid merupakan tanda teguhnya agama Islam yang telah berkembang di negeri Pahang. Bilangan masjid yang telah dibina sebagai sebuah tempat ibadat di negara ini adalah sebanyak 600 hingga 700 buah masjid. Sebahagian daripada jumlah masjid tersebut adalah masjid yang dikategorikan sebagai masjid-masjid lama iaitu bangunan masjid yang telah lama didirikan dan telah berusia puluhan hingga ratusan tahun.

1.2 Latar Belakang Kajian

Menurut (Ahmad, 1994) terdapat dua kategori masjid lama iaitu kategori tradisional dan kedaerahan. Kedua-dua jenis kategori ini dapat dibezakan melalui pengaruh yang diterapkan dalam pembinaan masjid dan jenis kubah yang digunakan. Masjid jenis tradisional akan mempunyai bumbung yang berbentuk panjang dan juga bertebat layar. Masjid tradisional juga mempunyai pengaruh yang kuat terhadap unsur seni bina, cara kehidupan dan persekitaran masyarakat melayu. Masjid dengan bumbung ini termasuk dalam kategori masjid tradisional kerana mempunyai bumbung yang menyerupai bumbung

rumah-rumah tradisional masyarakat melayu. Bumbung ini juga terdapat dalam dua jenis iaitu mempunyai satu lapis atau dua lapisan tingkat bumbung.

Kategori masjid yang kedua pula adalah masjid kedaerahan yang mempunyai unsur-unsur seperti masjid lama di kepulauan Indonesia dimana setiap masjid mempunyai bumbung meru dua atau tiga lapis. Unsur yang terdapat pada masjid ini telah dibawa masuk ke tanah melayu semasa berlakunya proses perhijarahan penduduk Indonesia ke Tanah Melayu. Masjid kedaerahan ini didirikan dengan pelan yang ringkas sahaja iaitu berbentuk segi empat sama ataupun segi empat tepat manakala bahagian bumbungnya pula disusun secara berlapis-lapis. Menurut (A. H. Nasir, 1995) bumbung ini agak unik kerana mempunyai hiasan pada puncak bumbung yang dikenal sebagai mahkota atap.

Orang melayu di negeri Pahang mula mendirikan masjid yang bersifat setempat dan tidak terikut dengan mana-mana unsur seni bina masjid luar. Pembinaan masjid hanya mempunyai bentuk yang dipanggil tompang ataupun bumbung berlapis yang berbentuk kerucup kecil ke atas seperti bentuk gelugor atau meru. Semasa pertengahan abad ke-19, sebuah masjid atap tompang telah diroboh dengan tujuan untuk pembinaan sebuah pejabat manakala sebuah lagi masjid di Pekan turut dirobohkan untuk pembinaan Masjid Sultan Abdullah. Semasa zaman penjajahan british menguasai negeri Pahang, sebuah lagi bentuk masjid telah diperkenalkan iaitu masjid limas perabung lima atau masjid menara buah kopi. Menurut (Abdul Halim Nasir, 1997), selepas Tanah Melayu berjaya mencapai kemerdekaan, masjid dengan potongan kubah bawang semakin banyak didirikan dan telah berkembang hingga ke hari ini. Antara contoh masjid yang tertua dengan unsur kubah bawang adalah Masjid Sultan Abdullah yang terletak di Pekan, Pahang.



Rajah 1.1 : Masjid Sultan Abdullah, Pekan, Pahang.

(Sumber : <https://www.whwdesign.org/muzium-masjid-sultan-abdullah>) (10.4.2021)

1.3 Permasalahan Kajian

Bahagian ini akan menerangkan dan memberi fokus kepada masalah-masalah yang akan dikaji oleh pengkaji dalam menyelesaikan kajian yang dilakukan. Segala permasalahan yang didapati daripada kajian ini telah diteliti oleh pengkaji semasa kajian dijalankan. Dalam bahagian ini juga, pengkaji akan berhadapan dengan isu atau masalah berkaitan kajian. Masalah dan isu berkenaan kajian akan diperolehi daripada hasil yang didapati semasa menjalankan proses untuk mendapatkan maklumat mengenai hal-hal yang mempunyai hubungkait dengan kajian pengkaji.

Antara masalah pertama yang dikenal pasti dalam menjalankan kajian ini adalah, tiadanya data atau sebuah senarai rasmi yang boleh menyatakan kewujudan dan jumlah masjid-masjid lama yang terdapat di negeri Pahang. Ketiadaan maklumat penting ini menyebabkan kesukaran untuk mendapatkan data dan maklumat yang tepat mengenai masjid-masjid lama yang boleh

dijadikan sebagai rujukan untuk menjalankan kajian ini. Masalah ini terjadi kerana isu kekurangan bilangan bangunan masjid lama di negeri negeri Pahang. Tidak dinafikan bahawa sejarah Islam di Pahang yang kurang diketengahkan menyebabkan hal-hal berkaitan dengan sejarah Islam ini tidak begitu dikenali ramai (Muhammad Ikhlas Rosele, Rahimin Affandi Abdul Rahim, 2015) dan seterusnya menyebabkan kurangnya penyelidikan mengenai masjid-masjid lama negeri Pahang.

Masalah kedua yang terdapat dalam kajian ini adalah kurangnya usaha atau proses yang dilakukan oleh pihak-pihak bertanggungjawab untuk mengiktirafkan masjid-masjid lama sebagai sebuah warisan negeri. Hal ini dapat dikatakan demikian kerana hanya terdapat sebuah masjid lama yang telah menjalani proses konservasi dan tersenarai sebagai Bangunan Warisan Kebangsaan oleh Jabatan Warisan Negara. Masjid yang telah berusai 89 tahun ini telah dijadikan sebagai sebuah muzium masjid pada tahun 2016 (Abdul Jalal et al., 2019). Justeru, perkara ini telah menimbulkan persoalan mengenai keprihatinan pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk mengangkat masjid lama ini sebagai bangunan warisan di negeri Pahang. Hal ini bagi memastikan penyebaran syiar islam terus terpelihara dan dapat menjadi pedoman dan pengajaran bermilai untuk generasi muda serta generasi akan datang.

Permasalahan yang seterusnya adalah berkaitan dengan kajian untuk menjalankan kaedah yang perlu dilakukan bagi memelihara dan memulihara masjid-masjid lama di negeri Pahang. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengetahui kaedah serta langkah yang wajar digunakan semasa pemuliharaan masjid-masjid lama dijalankan. Kaedah dan langkah yang

digunakan diharapkan agar dapat memastikan bahawa masjid-masjid lama ini dapat diiktiraf sebagai sebuah bangunan warisan negeri Pahang.



UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

1.4 Objektif Kajian

Objektif bagi kajian adalah satu kepentingan dalam memastikan kajian penyelidikan yang dijalankan dapat mencapai tujuan sesebuah penyelidikan dijalankan. Antara objektif bagi kajian ini adalah ;

1. Mengenal pasti senarai masjid-masjid lama yang terdapat di negeri Pahang.
2. Mengetahui pengaruh rekabentuk tipologi fasad masjid-masjid lama yang terdapat di negeri Pahang.
3. Mengetahui tahap keprihatinan masyarakat setempat terhadap usaha-usaha pemuliharaan masjid-masjid lama di negeri Pahang.

1.5 Persoalan Kajian

Melalui kajian yang dilakukan oleh pengkaji, terdapat beberapa persoalan kajian yang perlu dikenalpasti iaitu :

1. Bagaimakah sejarah masjid-masjid lama yang terdapat di negeri Pahang?
2. Apakah pengaruh rekabentuk tipologi fasad masjid-masjid lama yang terdapat di negeri Pahang?
3. Bagaimakah tahap keprihatinan masyarakat setempat terhadap usaha-usaha pemuliharaan masjid-masjid lama di negeri Pahang?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini merupakan sebuah kajian yang mempunyai kepentingan dan mempunyai nilainya yang tersendiri. hasil daripada kajian yang dilakukan akan memberi kepentingan dan manfaat kerana kajian ini dapat dijadikan sebagai sebuah perkongsian ilmu yang sangat penting mengenai kewujudan warisan dan khazanah tidak ternilai bagi negeri Pahang ini. Pengkaji berharap agar kajian yang dilakukan ini akan memberi manfaat kepada masyarakat, institusi dan negara. Antara kepentingan yang telah diperolehi adalah :

1.6.1 Masyarakat

Hasil kajian yang dilakukan ini akan memberi kepentingan kepada masyarakat terutamanya masyarakat di negeri Pahang. Hal ini dikatakan demikian kerana, pada penghujung kajian ini, masyarakat di negeri pahang akan lebih maklum dan peka terhadap kewujudan bangunan-bangunan masjid lama dengan nilai warisan yang sangat tidak ternilai ini. Selain itu, masyarakat juga akan memperoleh maklumat yang penting seperti dapat mengetahui mengenai sumbangan Islam dalam tamadun dunia dan sirah Rasulullah SAW (Abdul Jalal et al., 2019). Secara tidak langsung, masyarakat juga akan lebih menghargai dan lebih bertanggungjawab dalam memastikan warisan ini lebih terjaga dan dapat dikongsikan kepada generasi akan datang.

1.6.2 Institusi

Hasil daripada kajian yang dilakukan oleh pengkaji juga akan memberi kepentingan dan kelebihan kepada institusi yang diwakili oleh pengkaji. Dalam menjalankan kajian atau laporan projek akhir ini,

pengkaji telah mewakili institusi pengajian tinggi iaitu Universiti Malaysia Kelantan. Oleh itu, penghasilan kajian yang bagus dan dapat mencapai matlamat yang berkaitan dengan tajuk kajian akan menaikkan nama institusi yang diwakili oleh pengkaji. Kejayaan yang diperolehi dalam hal ini akan membantu meningkatkan nama universiti agar lebih setanding dan mampu bersaing dengan intitusi pengajian tinggi yang lain.

1.6.3 Ekonomi Negara

Malaysia merupakan sebuah negara yang sangat kaya dengan tempat-tempat pelancongan yang menarik dan mampu menarik minat para pelancong dari dalam dan luar negara. Bidang warisan juga tidak ketinggalan dalam menyumbang kepada ekonomi negara. Hal ini kerana, para pelancong sangat berminat kepada warisan dan sejarah yang dimiliki oleh setiap negeri di dalam Malaysia. penyelidikan yang dijalankan ini akan menjadikan negeri pahang sebagai sebuah destinasi pelancongan yang sangat menarik untuk dikunjungi. Hasil daripada kajian ini dapat dijadikan sebagai sebuah rujukan untuk mengiktiraf masjid lama sebagai bangunan-bangunan warisan negeri Pahang. hasil daripada sektor pelancongan warisan ini akan menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara. (Ahmad, 1994) telah menyatakan bahawa, pemuliharaan bangunan warisan bukan hanya dapat menarik perhatian pelancong luar tetapi ia juga dapat menjana ekonom serta dapat menyumbang dan menyokong industri pelancongan warisan dalam negara.

1.6.4 Penyelidikan Ilmiah

Menurut hasil daripada penyelidikan yang dijalankan akan diterbitkan atau dibentangkan dalam sebuah penerbitan serta seminar yang khas boleh dijadikan sebagai medium untuk menjadikan kajian sebagai sebuah rujukan ilmiah untuk tujuan kajian akan datang (Abdul Jalal et al., 2019). Hal ini dikatakan demikian kerana, hasil dapatan kajian akan digunakan untuk melengkapkan maklumat bagi kajian-kajian berkaitan dengan masjid-masjid lama di negeri Pahang mahupun masjid lama di Malaysia.



1.7 Skop Kajian

Skop bagi kajian ini adalah untuk memberikan tumpuan dan fokus kepada masjid-masjid lama yang mana struktur bangunannya masih wujud secara fizikal dan masih boleh dilihat dengan jelas sehingga hari ini. Oleh itu, kajian ini hanya tertumpu kepada bangunan masjid-masjid lama yang sudah tidak digunakan atau masih lagi digunakan sebagai tempat untuk beribadat secara rasmi oleh penduduk di sekitar kawasan masjid tersebut. Kajian ini akan melibatkan penduduk sekitar kawasan masjid lama bagi membolehkan pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang tepat berkenaan dengan masjid-masjid lama tersebut untuk membolehkan tujuan dan matlamat kajian dapat dicapai.

Dalam menyelesaikan kajian ini, pengkaji akan menerangkan mengenai jenis pengaruh rekabentuk fasad pada struktur bangunan masjid lama serta menerangkan mengenai senibina masjid dan bahan yang digunakan dalam proses mendirikan masjid tersebut. Masjid-masjid lama yang sudah berusia puluhan hingga ratusan tahun ini telah mengalami pelbagai jenis kerosakan dan pengkaji juga akan menerangkan mengenai kerosakan dan jenis kerosakan yang telah terjadi.

Kajian ini juga akan menerangkan mengenai cadangan usaha dan langkah yang dilakukan untuk pemuliharaan masjid-masjid lama di negeri Pahang. Hal ini kerana, masjid-masjid lama ini perlulah diberikan perhatian dan pemuliharaan yang sepatutnya agar ia dapat dijadikan sebagai bangunan warisan yang memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat dan juga negara. Justeru itu, dalam menyelesaikan kajian ini, pengkaji akan mencadangkan langkah pemuliharaan yang sewajarnya dilakukan bagi meningkatkan

keberkesanannya dalam menjadikan bangunan masjid lama ini sebagai sebuah bangunan warisan.

Berdasarkan batasan kajian dan kriteria pemilihan masjid yang telah dijalankan, hanya 4 buah masjid yang berjaya dipilih berasaskan kepada pengenalan kajian. Antara masjid yang terpilih adalah Masjid Negeri Lama Kuala Lipis, Masjid Lama Pulau Tawar, Masjid Kampung Pantai dan Masjid Lama Kampung Bolok Hilir. Masjid-masjid lama ini akan dikaji oleh pengkaji untuk mengekalkan nilai tinggalan warisan yang sangat berharga ini.



Rajah 1.2 : Masjid Negeri Lama, Kuala Lipis, Pahang.

(Sumber : <http://pdltipis.pahang.gov.my/info-daerah/tempat-menarik/masjid-negeri-1888>) (12.4.2021)



Rajah 1.3 : Masjid Lama Pulau Tawar, Jerantut, Pahang

(Sumber : <http://wzwh.blogspot.com/2010/09/sejarah-masjid-lama-pulau-tawar.html>)
(12.4.2021)



Rajah 1.4 : Masjid Kampung Pantai, Chenor, Pahang
(sumber : <https://prezi.com/p/q-0tr751x1w0/masjid-kg-pantai/>) (12.4.2021)



Rajah 1.5 : Masjid Lama Kampung Bolok Hilir, Temerloh, Pahang

(Sumber : <https://artmelayu.blogspot.com/2012/07/masjid-lama-old-mosque-of-bolok-hilir.html?m=1>) (12.4.2021)

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.8 Batasan Kajian

Semasa menjalankan kajian ini, pengkaji maklum dan sedar bahawa agak sukar dalam mendapatkan penyelesaian terhadap semua persoalan kajian. Oleh hal yang demikian, pengkaji perlu menetapkan batasan kajian. Kajian ini memberi fokus kepada bangunan masjid lama yang terdapat di negeri Pahang. Kajian ini semestinya mempunyai batasan kerana agak sukar bagi pengkaji untuk mendapatkan maklumat mengenai masjid lama dengan cepat dan tepat. Hal ini kerana, setiap masjid lama yang dikaji terletak berjauhan dan tidak berada di satu lokasi yang sama.

Batasan kajian ini juga tertumpu kepada kajian mengenai setiap bangunan masjid lama. Pengkaji juga maklum bahawa setiap masjid yang dikaji mempunyai ciri rekabentuk dan seni bina yang berbeza. Kajian ini akan menerangkan secara terperinci mengenai unsur rekabentuk dan seni bina dalam setiap pembinaan masjid-masjid lama yang dikaji dalam penyelidikan ini. Selain itu, kajian ini juga akan menerangkan maklumat terperinci mengenai pengaruh tipologi fasad masjid-masjid lama yang terdapat di negeri Pahang.

Seterusnya, pengkaji juga akan menekankan kepada ciri-ciri pengaruh yang terdapat pada bangunan masjid lama. Hal ini kerana, setiap pengaruh seni bina dan rekabentuk yang digunakan dalam pembinaan masjid lama mempunyai nilai warisan dan sejarah yang memberi makna kepada pengaruh tempatan dan juga pengaruh asing. Masyarakat tidak begitu peka dan tahu mengenai perbezaan terhadap seni bina yang dimiliki oleh setiap masjid lama. Tidak dinafikan juga terdapat sesetengah masyarakat yang tidak dapat membezakan

antara seni bina masjid lama dan masjid moden yang terdapat pada zaman sekarang.

Batasan kajian ini juga akan menerangkan usaha dan langkah pemuliharaan yang boleh dilakukan hasil daripada kajian yang telah dilakukan. Masjid-masjid lama ini perlulah diberikan perhatian yang sewajarnya dan tidak seharusnya dibiarkan tenggelam akibat kealpaan masyarakat sekarang. Cadangan usaha dan langkah yang akan diutarakan dalam kajian ini adalah hasil daripada pemerhatian terhadap kerosakan yang dialami oleh masjid lama tersebut. Hasil daripada penyelidikan ini diharapkan agar dapat membuka sebuah jalan atau langkah baharu yang diperlukan untuk menjamin kepentingan dan menghargai nilai warisan bangunan masjid lama di negeri Pahang untuk kepentingan masyarakat dan negara.

1.9 Definisi Terminologi

Dalam Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat, terminologi membawa maksud, kajian tentang istilah atau kumpulan kata khusus yang berkaitan dengan sesuatu bidang ilmu. Terminologi secara umumnya berhubung kait dengan nama dan sebuah proses penamaan. Menurut (Puteri Roslina Abdul Wahid, 1990) terminologi ialah pengajian dan bidang aktiviti yang memberikan tumpuan kepada pengumpulan, penguraian, pemprosesan, dan penyampaian istilah, iaitu butir leksikal milik penggunaan yang khusus dalam satu atau beberapa bahasa.

1.9.1 Masjid Lama

Masjid lama adalah masjid yang telah berusia puluhan hingga ratusan tahun banyak menyimpan sejarah dan nilai kepentingannya yang tersendiri. Masjid-masjid lama ini diibaratkan sebagai sebuah bukti yang telah merekodkan segala bentuk perubahan tamadun dan revolusi masyarakat di negeri Pahang. ciri-ciri dan keunikan yang dimiliki oleh masjid-masjid lama tersebut bagi mengetahui dan memahami dengan lebih lanjut mengenai seni bina serta pengaruh dalam pembinaan masjid lama yang dikaji.

1.9.2 Pemuliharaan

Menurut Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kamus Dewan Edisi Keempat (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, n.d.), pemuliharaan membawa maksud perihal atau proses atau usaha atau perbuatan untuk memulihara sesuatu. Ia juga dimaksudkan sebagai usaha untuk memelihara serta memulihkan sesuatu agar dapat digunakan serta memenuhi kehendak penggunaanya. Selain itu, pemuliharaan juga membawa maksud perlindungan. Istilah pemuliharaan digunakan untuk suatu proses pemeliharaan untuk tujuan masa depan dan ia juga membawa maksud suatu perkara itu dilindungi secara khusus oleh undang-undang.

Kamus Oxford-Fajar terbitan tahun 2004 juga telah menyatakan bahawa pemuliharaan sebagai sebuah kerja memulihara dalam bentuk yang sedia ada. Selain itu, pemuliharaan dapat didefinisikan sebagai proses pengurusan bangunan, monumen dan tapak untuk mengelakkan berlaku masalah seperti pereputan, kemusnahan, penyalahgunaan atau pengabaian. Seterusnya, (Mohamed, 2006) pula telah mendefinisikan

pemuliharaan sebagai kerja baik pulih untuk memulih semula monumen atau tapak bersejarah kepada seni bina dan bahan yang hampir serupa seperti bahan asal yang digunakan.

1.9.3 Fasad

Menurut Cambridge Dictionary, fasad atau façade bermaksud *the front of a building* atau muka sebuah bangunan. Fasad bangunan merupakan bahagian yang paling penting dalam pembinaan sesebuah bangunan. Hal ini demikian kerana, fasad bangunan adalah merupakan bahagian yang pertama dilihat dan dinilai oleh pereka bangunan atau orang yang melihatnya. Menurut John Milnes Baker (John Milnes Baker, 2018) fasad merupakan ketinggian bangunan utama atau ketinggian lain yang dipanggil fasad tetapi biasanya digunakan untuk merujuk kepada depan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.10 Penutup

Kesimpulannya, hasil daripada kajian yang dilakukan ini mendapati bahawa terdapat beberapa buah masjid yang boleh dikategorikan sebagai masjid lama di negeri Pahang. Masjid-masjid lama ini sangat bernilai dan mempunyai sejarah yang perlu dijaga bagi memastikan masjid lama dapat dikenalkan sebagai Masjid Warisan Negeri Pahang. Kajian yang dilakukan secara menyeluruh ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti masjid-masjid lama yang terdapat di negeri Pahang. hal ini secara jelas bertujuan untuk mengkaji dan menilai usaha serta langkah pemuliharaan yang sesuai digunakan untuk proses pemuliharaan masjid-masjid lama yang dikaji oleh pengkaji.

Hasil daripada dapatan kajian ini akan menjadi satu bahan pengajian atau bahan rujukan yang sangat penting kepada penyelidikan berkenaan masjid-masjid lama di Malaysia. Selain daripada itu masyarakat akan lebih maklum dan lebih memahami serta akan menjadi minat untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang sejarah yang dimiliki oleh masjid lama. Kajian penyelidikan berkenaan masjid lama ini juga merupakan salah satu langkah penting yang perlu diambil untuk mengekalkan warisan yang ada di negara kita. Selain itu, ia juga merupakan antara langkah untuk menghargai warisan dengan tujuan untuk mengekalkan dan menjaga warisan agar generasi masa akan datang tidak lupa akan sejarah negara Malaysia.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Sorotan kajian dapat diklasifikasikan sebagai rujukan secara kritikal dan sistematis mengenai maklumat terpilih yang terdapat di dalam perpustakaan atau literature berkenaan topik atau fokus persoalan kajian (M. S. Nasir & Teh, 2020). Manakala menurut Bryman & Bell (Bryman, 2006), Sorotan kajian adalah proses untuk menghurai, meringkas, menganalisis, mensintesis, menilai dan menjelaskan kepustakaan yang terpilih.

Antara langkah yang perlu ada dalam sorotan kajian adalah perlu berkait dan disusun disekitar fenomena tajuk kajian yang dilakukan. Seterusnya adalah untuk mensintesiskan maklumat dan menyatakan apa yang diketahui dan tidak diketahui berkaitan dengan tajuk dan untuk mengenal pasti isu tajuk kajian. Tujuan sorotan kajian juga adalah untuk mengungkapkan persoalan berkenaan

kajian lepas untuk memenuhi kehendak kajian yang dijalankan oleh penyelidik dan kajian lanjutan (M. S. Nasir & Teh, 2020).

Bagi menyelesaikan bahagian ini, pengkaji akan memfokuskan kepada kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan bangunan masjid. Hasil daripada penelitian kajian-kajian lepas ini akan dapat membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat berkaitan dengan masjid. Bab ini juga akan dapat memberikan gambaran menyeluruh mengenai status kajian sama ada kajian ini telah banyak dijalankan, kurang dijalankan atau tidak pernah dijalankan sama sekali.

2.2 Pengenalan Masjid Warisan

Menurut Kaedah-Kaedah Masjid (1998), Dan Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Pahang (Enakmen No. 3 1991)(*Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Pahang (Enakmen No. 3 1991, n.d.)*), masjid adalah sebuah atau sesuatu bangunan yang diluluskan oleh Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang (Majlis) untuk kegunaan solat jumaat dan solat-solat lain serta untuk kegiatan keagamaan yang lain". Terdapat tiga jenis kategori masjid yang diiktiraf di Malaysia iaitu Masjid Negeri, Masjid Daerah Dan Masjid Kariah.

Akta Warisan Kebangsaan (2005) Akta 645, Bahagian I (Melayu, 2011), telah mendefinisikan warisan sebagai sesuatu perkara atau benda yang mempunyai nilai sejarah yang telah diwariskan daripada satu generasi ke generasi yang akan datang. Warisan ini adalah merangkumi dari sudut adat resam, kebudayaan, kawasan, bangunan, bahan arkib serta cetakan seperti buku dan makalah.

Oleh itu masjid warisan dapat didefinisikan sebagai sebuah masjid lama yang sangat bernilai dari sudut seni bina, pengaruh dan unsur yang dapat menggambarkan nilai sejagat yang tinggi dari segi sejarahnya terhadap zaman Ketamadunan Islam di Tanah Melayu.


2.3 Pemuliharaan Bangunan Warisan

Menurut (Siti Norlizaiha Harun, 2005) dalam penulisannya yang bertajuk *Amalan Kerja Pemuliharaan Bangunan Bersejarah Di Malaysia. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia*, pemuliharaan adalah sebuah bidang yang melibatkan proses pengekalan dan penjagaan keatas bangunan-bangunan warisan daripada dimusnahkan dengan mengambil kira kepentingan kepada masyarakat dan negara dari sudut sejarah dan nilai estetik sesebuah bangunan warisan. Selain itu, menurut (Ahmad, 1994), aktiviti-aktiviti pemuliharaan bangunan warisan ini telah menjadi amalan yang penting kepada sesetengah negara dan ia dianggap sebagai perkara yang mempunyai kepentingan yang sama dengan pemuliharaan sumber alam yang lain.

Bidang pemuliharaan ini tidak lagi dianggap sebagai sebuah bidang yang remeh kerana bidang ini semakin mendapat perhatian dan dianggap sebagai satu langkah untuk menjadikan ia sebagai satu tanggungjawab bagi setiap individu masyarakat untuk mejaga kepentingan warisan. Kamarul Syahril, A Ghafar Dan Liawati (Kamarul Syahril, 2007) pula mengatakan bahawa pemuliharaan adalah disifatkan sebagai kerja baik pulih bangunan warisan dengan mengekalkan seni bina dan bahan binaan yang sama atau hampir sama dengan bahan asal. Proses pemuliharaan ini adaah bertujuan untuk dan mengembalikan bangunan warisan ini kepada binaannya yang asal.

2.4 Masjid Lama Negeri Pahang

Kajian lepas mengenai masjid-masjid lama di negeri Pahang adalah amat terbatas dan tidak mempunyai maklumat yang mencukup untuk menyokong kajian yang dilakukan. Hal ini kerana kerja pemuliharaan masjid lama negeri Pahang tidak dikenalpasti dan masih ketinggalan berbanding pemuliharaan masjid lama di negeri lain. Terdapat hanya dua buah buku hasil karya Halim Nasir iaitu *Seni Bina Masjid Di Dunia Melayu-Nusantara* (1995) (A. H. Nasir, 1995) di bawah tajuk *Masjid Lama Di Pahang* dan *Seni Bina Masjid Dan Rumah Pahang* (1997) (Abdul Halim Nasir, 1997) yang telah mengiktiraf kedudukan dan kewujudan masjid-masjid lama di negeri Pahang.



Rajah 2.1 : Seni Bina Masjid Di Dunia Melayu-Nusantara.

(Sumber : <https://www.goodreads.com/book/show/25257174-seni-bina-masjid-di-dunia-melayu-nusantara>) (15.4.2021)

2.5 Seni Bina Masjid Lama di Malaysia

Menurut Abdul Halim Nasir dan Hashim Haji Wan Teh (Wan) dalam penulisan buku bertajuk *Warisan Seni Bina Melayu* (Abdul Halim Nasir, 1997) (Abdul Halim Nasir, 1997) alam sekitar merupakan salah satu unsur penting yang mempengaruhi seni bina masjid tradisional. Hal ini dikatakan demikian kerana, pemilihan bahan binaan masjid adalah lebih utama kepada sumber yang sentiasa boleh diperbaharui dan diperbaiki pada bila-bila masa. Faktor cuaca di Malaysia yang panas dan lembab juga sangat mempengaruhi struktur binaan bangunan masjid. Bahagian tiang dan dinding masjid didirikan dengan rekabentuk tiang dan bahagian lantai bangunan yang tinggi untuk mengelakkan gangguan haiwan dan dapat menghindari bencana alam seperti banjir.



Rajah 2.2 : Struktur Seni Bina Masjid Lama

(sumber : <http://commonrepo.um.edu.my/12608/8/Page%2089-100.pdf>) (16.4.2021)

2.6 Kecacatan Dan Kerosakan Pada Bangunan Kayu

Bangunan-bangunan masjid pada zaman dahulu semuanya diperbuat daripada sumber alam iaitu kayu. Hal ini menyebabkan bangunan masjid sentiasa terdedah kepada kerosakan dan kecatatan akibat daripada penggunaan material kayu dalam proses pembinaan masjid. Menurut W.H. Ransom, *Building Failure: Diagnose and Avoidance* (1981)(Ransom, 1981) semakin berusia sesebuah bangunan atau struktur, semakin banyak kerosakan yang boleh dikesan pada struktur. Kecatatan bangunan dapat ditakrifkan sebagai kemerosotan ciri kualiti dari tahap-tahap yang tertentu hingga boleh menyebabkan hasil dan khidmat yang tidak memuaskan atau sempurna atau tidak memenuhi kehendak penggunaannya.

Sumber kayu adalah bahan yang sentiasa dan selalu digunakan dalam industri binaan bangunan. Kayu mempunyai unsur yang dapat menarik perhatian serangga dan haiwan perosak hingga menyebabkan berlakunya pereputan pada kayu-kayu yang digunakan. Proses pereputan atau gangguan haiwan perosak ini dapat dihentikan dengan cara penyelengaraan yang berterusan dan kaedah penggunaan bahan pengawet yang sesuai untuk kayu.

2.7 Senarai Masjid Lama Yang Terkenal Di Malaysia

Malaysia merupakan antara negara yang paling awal menerima pengaruh agama islam. Oleh itu, terdapat beberapa buah masjid lama yang telah dapat dikenal pasti sebagai masjid lama yang terdapat di Malaysia. Masjid Kampung Laut yang terletak di Tumpat, Kelantan merupakan masjid yang telah diiktiraf sebagai masjid tertua di Malaysia. Menurut portal laman web rasmi Masjlis Daerah Tumpat (Naziran, 2019), masjid ini telah dibina pada abad ke- 18 oleh

para ulama islam dari Champa dan Jawa dengan pertolongan daripada penduduk tempatan.



Rajah 2.3 : Masjid Kampung Laut, Kelantan

(Sumber : https://ms.wikipedia.org/wiki/Masjid_Kampung_Laut) (15.4.2021)

Masjid lama yang turut terkenal di Malaysia adalah Masjid Abidin atau masjid lebih dikenali sebagai Masjid Putih yang terletak di negeri Terengganu. Menurut portal Terengganu.info.com (“Masjid Abidin,” n.d.) , masjid ini telah dibina daripada kayu pada tahun 1798-1803 oleh Al-Marhum Sultan Zainal Abidin II dan pada tahun 1852, Al-Marhum Sultan Umar telah menukarkan bahan binaan masjid kepada batu. Masjid ini turut mengalami beberapa berubahan iaitu pertambahan bilangan menara masjid dan pertambahan tiang masjid.



Rajah 2.4 : Masjid Abidin, Kuala Terengganu.

(Sumber : https://en.wikipedia.org/wiki/Abidin_Mosque) (15.4.2021)

Menurut portal Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia, masjid lama yang paling cantik di Malaysia pula adalah Masjid Sultan Abu Bakar yang terletak di atas sebuah bukit. Masjid ini terletak berhampiran dengan bandar Johor Bahru, Johor. Keindahan rekabentuk masjid ini telah menjadikan ia sebagai sebuah masjid lama tercantik di Malaysia. masjid ini telah dibina pada tahun 1892 dengan arahan daripada Sultan Abu Bakar (“Masjid Sultan Abu Bakar,” 2021).



Rajah 2.5 : Masjid Sultan Abu Bakar, Johor)

(Sumber : https://en.wikipedia.org/wiki/Sultan_Abu_Bakar_State_Mosque) (15.4.2021)

2.8 Kepentingan Masjid Kepada Masyarakat

Dalam hadis Riwayat muslim, Rasulullah S.A.W. pernah bersabda, “Tempat yang paling disukai oleh Allah ialah masjid-masjidnya”. Oleh itu masjid mempunyai kesan dan pengaruh yang sangat besar kepada masyarakat Islam daripada pelbagai aspek serta sudut. Antara aspek yang menyumbang kepada kepentingan masjid kepada masyarakat adalah bidang pendidikan. Dalam penulisan oleh Adel M. Abdulaziz, Ahmad Kamel Mohamed dan Nidzamuddin Zakaria dalam hasil karya *Fungsi Dan Peranan Masjid Dalam Masyarakat Hadhari* (Ahmad Sabri & Mohammad Noor, 2008), masjid merupakan tempat pengajaran, pembelaan dan pemeliharaan umat islam yang mengunjungi serta menggalakkan umat islam untuk mengerjakan kebaikan dan

kebajikan. Masjid boleh diklasifikasikan sebagai sebuah pusat pendidikan dan penyebaran ilmu agama.

Selain itu, (Ahmad Sabri & Mohammad Noor, 2008) juga menyatakan bahawa masjid juga merupakan sebuah institusi kemasyarakatan. Hal ini dapat dikatakan demikian kerana, masjid juga dapat berfungsi sebagai pusat untuk mengadakan aktiviti yang melibatkan aktiviti kemasyarakatan. Selain berfungsi sebagai sebuah tempat kemasyarakatan, masjid juga dapat berfungsi sebagai sebuah tempat untuk menyatukan masyarakat.

2.9 Keistimewaan Rekabentuk Tipologi Fasad Masjid Lama

Menurut hasil kajian oleh (Azizul Azli Ahmad, 2013) tipologi masjid tradisional di Malaysia adalah berdasarkan plan dan struktur utama bangunan masjid. Kajian ini juga telah mendapati bahawa masjid-masjid lama tersebut juga dibina dengan ciri yang unik iaitu mempunyai empat tiang utama di ruangan solat untuk menyokong struktur bangunan masjid.

Data-data yang diperolehi telah menunjukkan bahawa bangunan masjid lama di Malaysia yang dibina pada tahun 1700-1900 AD adalah berbentuk segi empat sama dan hanya beberapa buah masjid sahaja yang berbentuk segi empat tepat. Bagi pelan segi empat sama ia mempunyai empat jenis pelan iaitu pelan segi empat sama dengan satu tiang utama, pelan segi empat sama tanpa tiang utama, pelan segi empat sama dengan empat tiang utama dan pelan segi empat sama dengan lebih dari empat tiang utama. Manakala untuk pelan segi empat tepat pula ia terbahagi kepada dua kategori pelan iaitu, pelan segi empat tepat dengan empat tiang utama dan pelan segi empat tepat dengan lebih dari empat tiang utama (Azizul Azli Ahmad, 2013).

2.10 Pengaruh Rekabentuk Masjid Lama di Malaysia

Tarikh kedatangan Islam ke Malaysia atau Tanah Melayu tidak dapat dikenal pasti secara tepat kerana berlaku percanggahan antara pendapat para penyelidik dengan bukti-bukti kedatangan Islam yang telah ditemui. Menurut Dr Mohd Muhiben Abd. Rahman dalam kajian bertajuk *Kedatangan Islam Ke Nusantara Dan Pengaruhnya Terhadap Budaya Ilmu* (Abd. Rahman, 2018), antara bukti yang telah menunjukkan bukti awal kedatangan Islam ke Tanah Melayu adalah penemuan batu nisan bertarikh 1298M di Makam Sultan Malik Al-Salih. Kedatangan Islam ke Tanah Melayu jelas membawa pelbagai pengaruh terhadap Tanah Melayu.

Selain itu, pengkaji akan menerangkan dengan lebih terperinci mengenai keunikan dan keistimewaan setiap rekabentuk dan seni bina yang dimiliki oleh setiap masjid lama. Hal ini kerana, setiap ciri rekebentuk dan seni bina mempunyai maksud dan pengaruhnya yang tersendiri. Pengkaji juga akan mengkaji setiap sudut bangunan masjid lama seperti bumbung, dinding dan bahan binaan yang digunakan untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat mengenai masjid lama. Perkara ini bertujuan untuk mengenal pasti samaada masjid-masjid lama tersebut merupakan masjid dengan ciri masjid tradisional atau masjid yang bercirikan kepulauan Melayu atau Timur Tengah.

Menurut kajian penulisan yang dijalankan oleh Nangkula Utaberta dan Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi yang bertajuk *Deskripsi Tipologi, Klasifikasi Dan Analisis Perancangan Masjid di Malaysia* (Utaberta et al., n.d.), jenis rekabentuk masjid lama Malaysia sering dikaitkan dengan jenis rekabentuk dari Indonesia kerana persamaan yang wujud di antara rekabentuk atap masjid.

Antara masjid lama yang mempunyai pengaruh rekabentuk atap dari Indonesia adalah masjid Kampung Laut dan masjid Kampung Tuan. Kedua-dua atap masjid ini adalah jenis atap berlapis tiga yang sama dengan masjid di Indonesia iaitu Masjid Papan dan Masjid Lenggeng (Utaberta et al., n.d.).

2.11 Struktur Dan Bahan Pada Masjid Lama

Kajian bertajuk *Typology of Interior Architecture for Traditional Mosques in Peninsular Malaysia From 1700-1900 AD* (Azizul Azli Ahmad, 2013), keadaan geografi Tanah Melayu telah menyumbang kepada faktor untuk mendirikan masjid yang sesuai dengan keadaan dan musim yang ada di Tanah Melayu. Oleh itu, struktur pembinaan masjid pada waktu tersebut lebih fokus kepada jenis binaan masjid dengan atap berlapis dua atau tiga untuk tujuan keselamatan bangunan masjid dan keselesaan pengguna.

Atap jenis ini dibina sebagai perlindungan daripada keadaan hujan dan panas dan disokong oleh struktur binaan dengan tiang-tiang utama sebagai ciri tambahan didalam masjid. Bahan yang digunakan dalam pembinaan masjid lama pula adalah kayu dan pasak serta tidak menggunakan sebarang paku. Abdul Halim Nasir dan Hashim Haji Wan Teh (Wan) dalam penulisan buku bertajuk *Warisan Seni Bina Melayu* (1997) (Abdul Halim Nasir, 1997) telah menyatakan bahawa penggunaan kayu ada masa tersebut adalah kerana ianya merupakan satu bahan semula jadi yang sentiasa boleh diperbaharui dan diperbaiki.

2.12 Tahap Keprihatinan Masyarakat Terhadap Kerja-Kerja Konservasi Masjid Lama

Masyarakat pada masa kini kurang prihatin terhadap sebarang usaha-usaha pembaikan atau konservasi bangunan lama dijalankan. Menurut petikan

oleh Hamilton & Zuraini Ali (2002) dalam *Masalah Dalam Pemuliharaan Bangunan Warisan Di Malaysia* (Siti Nor Fatimah Zuraidi et al., 2011) bangunan warisan dan bangunan lama diancam kemasuhan kerana bangunan ini telah diabaikan oleh pemilik-pemilik asal dan telah dirobohkan berikutan dengan desakan pembangunan serta kurangnya keprihatinan masyarakat terhadap usaha untuk memelihara dan memulihara bangunan warisan.

Menurut A. Ghafar Ahmad (Ahmad, 1994), masyarakat kurang prihatin terhadap usaha pemuliharaan dan konservasi kerana masyarakat tidak tahu apa itu pemuliharaan bangunan warisan. Mereka beranggapan bahawa pemuliharaan bangunan warisan ini adalah sama seperti proses pengubahsuaian rumah seperti yang dilakukan sekarang. Justeru perkara ini adalah salah dan tidak tepat kerana setiap langkah dan prosedur yang diperlukan dalam proses pemuliharaan dan konservasi bangunan warisan perlulah dijalankan dengan prosedur yang betul agar tidak merosak nilai yang dimiliki oleh struktur asal sesebuah bangunan warisan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

2.13 Penutup

Kesimpulannya, sorotan kajian merupakan bahagian dalam kajian untuk meneliti serta menelaah kajian-kajian lepas. Hal ini bertujuan untuk membantu pengkaji bagi mendapat maklumat tambahan yang berkaitan dengan kajian penyelidikan. Selain berfungsi sebagai maklumat kepada pengkaji, sorotan kajian ini juga penting kerana ianya merupakan rujukan yang amat diperlukan bagi menyokong dapatan dan hasil daripada penyelidikan yang dijalankan oleh pengkaji.

Bahagian sorotan kajian ini juga dapat membantu pengkaji untuk mengetahui dengan lebih jelas mengenai skop kajian, metodologi kajian serta maklumat yang digunakan oleh pengkaji-pengkaji dalam menyelesaikan kajian lepas dengan lebih jelas. Hal ini dapat dikatakan demikian kerana, hasil daripada sorotan kajian ini juga dapat dijadikan sebagai penanda aras kepada pengkaji untuk menyelesaikan kajian penyelidikan.

Seterusnya, menerusi sorotan kajian ini, berdasarkan kajian bertajuk *Islamisasi Awal di Pahang: Satu Tinjauan Teori* (Muhammad Ikhlas Rosele, Rahimin Affandi Abdul Rahim, 2015) dapat dirumuskan bahawa aktitivi pemuliharaan masjid-masjid lama di negeri Pahang ini adalah sangat ketinggalan berbanding negeri lain. Kajian mengenai masjid lama yang wujud di negara pahang masih terbatas dan hanya terdapat kajian-kajian yang sudah lama. Kajian penyelidikan ini amat penting kerana ianya merupakan satu inisiatif dan usaha yang perlu dilakukan untuk memulihara masjid lama. Oleh yang demikian, pelbagai usaha yang wajar perlu diambil untuk memastikan warisan yang kaya

dengan nilai estetik ini dapat dijaga bagi memperkaya maklumat berkenaan masjid lama negeri Pahang.



UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN


3.1 Pengenalan

Metodologi kajian dapat ditafsirkan sebagai kaedah yang digunakan untuk mendapatkan data dan hasil kajian yang lebih tepat dan efisien. Metodologi kajian juga merupakan satu langkah atau sistem yang merangkumi kaedah serta prinsip yang digunakan dalam kegiatan atau disiplin (Kamus Dewan Edisi Keempat). Metodologi kajian terbahagi kepada dua jenis iaitu kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif.

Menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua, kuantitatif bermaksud dapatan kajian berkaitan dengan kuantiti dan analisis. Pendekatan yang digunakan dalam kaedah kuantitatif adalah kaedah dengan penggunaan data atau maklumat yang boleh diukur. Proses ukuran data atau maklumat kebiasaannya memerlukan alat pengukur seperti borang soal selidik dan ujian dilakukan untuk mendapatkan maklumat yang tepat. Hasil maklumat yang diperolehi melalui kaedah ini adalah

lebih besar dari sudut skala maklumat kerana semua maklumat yang diperolehi adalah berdasarkan responden Kajian (Kamus Pelajar Edisi Kedua)

Kaedah yang kedua adalah kaedah kualitatif yang bermaksud mutu atau kualiti (Kamus Pelajar Edisi Kedua). Kaedah ini memberi fokus kepada perolehan data-data serta maklumat berkaitan kajian yang mempunyai mutu dan berkualiti. Antara langkah untuk memperolehi data yang bermutu dan berkualiti adalah dengan kaedah pemerhatian, temubual, analisis dokumen dan fotografi.



Rajah 3.1: Carta Alir Metodologi Kajian

Carta alir metodologi kajian (Rajah 3.1) ini penting kerana ia merupakan panduan untuk pengkaji menjalankan kerja-kerja penyelidikan secara lancar. Carta alir ini berfungsi sebagai rujukan untuk memastikan pengkaji sentiasa

mendapat gambaran lengkap mengenai kajian penyelidikan yang dijalankan. Hal ini dikatakan demikian kerana, carta alir ini dapat memastikan pengkaji membuat gambaran awal kajian sebelum pengkaji memulakan kajian. Melalui carta alir metodologi kajian juga pengkaji dapat membuat perancangan kaedah, tarikh, masa dan langkah yang perlu dilakukan sepanjang menjalankan kajian. Selain itu carta alir ini akan membantu pengkaji untuk mencapai objektif kajian yang ingin dicapai melalui kajian penyelidikan ini.

3.2 Rekabentuk Kajian

Rekabentuk kajian adalah bertujuan untuk mendapatkan jawapan bagi menjawab segala persoalan kajian yang telah disenaraikan. Kaedah pengumpulan data yang digunakan oleh pengkaji dalam menyelesaikan kajian ini adalah dengan kaedah melibatkan sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer adalah penemuan baru atau penyelidikan baru yang boleh diterbitkan atau tidak boleh diterbitkan (Syed Ismail 2010). Selain itu, sumber primer ini adalah sumber-sumber yang diperolehi melalui maklumat yang diperolehi daripada sumber yang betul dan sah serta tidak ditokok tambah oleh maklumat yang salah. Data sekunder pula bermaksud, sumber kedua yang merupakan bahan bacaan seperti internet dan jurnal.

Jadual 3.1: Rekabentuk Kajian

No	Objektif Kajian	Rekabentuk kajian
1.	Mengenal pasti senarai masjid-masjid lama yang terdapat di negeri Pahang	Pemerhatian dan Analisis Dokumen
2.	Mengetahui pengaruh rekabentuk tipologi fasad masjid-masjid lama yang terdapat di negeri Pahang.	Pemerhatian dan Analisis Dokumen
3.	Mengetahui tahap keprihatinan masyarakat setempat terhadap usaha-usaha pemuliharaan masjid-masjid lama di negeri Pahang.	Temubual

Pengkaji akan menggunakan kaedah rekabentuk kajian dalam Jadual 3.1 untuk menjalankan kajian berdasarkan objektif kajian yang ingin dicapai. Bagi mencapai objektif pertama, pengkaji akan menggunakan kaedah pemerhatian dan analisis dokumen bagi mengenal pasti dan mendapatkan maklumat mengenai senarai masjid lama yang terdapat di negeri Pahang. Kaedah pemerhatian dan analisis dokumen juga digunakan untuk mencapai objektif kedua iaitu untuk mengetahui pengaruh rekabentuk tipologi fasad masjid lama di negeri Pahang. bagi mencapai objektif ketiga pula, pengkaji akan menggunakan kaedah temubual Bersama responden bagi mengetahui tahap keprihatinan masyarakat setempat terhadap usaha-usaha pemuliharaan masjid-masjid lama di negeri Pahang. Kaedah-kaedah rekabentuk kajian yang digunakan ini penting untuk membantu pengkaji mencapai tujuan penyelidikan dijalankan.

3.2.1 Pemerhatian

Untuk kaedah kajian lapangan ini, pengkaji akan melawat lokasi-lokasi masjid lama yang telah dipilih sebagai masjid lama yang terdapat di negeri Pahang. Semasa menjalankan kajian lapangan, pengkaji akan merekod setiap maklumat yang diperolehi dan kemudian disusuli dengan proses pengambilan gambar dan video. Tujuan kajian lapangan ini dilakukan adalah agar pengkaji lebih memahami dan mengetahui dengan lebih jelas setiap struktur dan aspek sejarah yang dimiliki oleh masjid-masjid lama ini.

Terdapat lima daerah dalam negeri Pahang yang telah dikenal pasti memiliki masjid lama yang boleh dikaji. Antara lokasi masjid yang akan dikunjungi adalah sebuah masjid di daerah Lipis, sebuah masjid di daerah Jerantut, sebuah masjid di daerah Temerloh dan sebuah masjid di daerah Maran.

3.2.2 Catatan

Kaedah catatan ini digunakan semasa pengkaji menjalankan kaedah pemerhatian. Pengkaji akan mencatat semua maklumat yang dapat dilihat dan dikenalpasti daripada struktur fizikal bangunan masjid lama yang dilawati. Catatan yang diperolehi akan membantu pengkaji dalam menghimpunkan semua maklumat untuk memudahkan kajian penyelidikan dijalankan. Kaedah catatan juga dapat membantu pengkaji untuk menghasilkan penulisan laporan akhir kajian penyelidikan. Kaedah catatan ini juga akan digunakan semasa pengkaji menjalankan kerja-kerja temu bual.

3.2.3 Rakaman Foto

Kaedah rakaman foto menggunakan peranti telefon pintar atau kamera juga merupakan kaedah yang paling sesuai digunakan semasa kajian lapangan dijalankan. Hal ini dikatakan demikian kerana, penggunaan kaedah rakaman foto akan memudahkan proses menyimpan maklumat-maklumat yang tidak sempat dicatat oleh pengkaji. Kaedah ini juga sangat penting kerana penggunaan kaedah ini dapat memastikan agar pengkaji tidak terlepas atau tidak kehilangan maklumat semasa menjalankan kajian. Foto-foto yang berjaya dirakam dapat dijadikan sebagai bukti dan sebagai rujukan yang akan digunakan sepanjang menyelesaikan kajian.

3.2.4 Temubual

Kaedah seterusnya yang akan digunakan oleh pengkaji adalah kaedah temubual. Kaedah temubual ini akan dijalankan secara dua peringkat atau dua kategori. Kategori yang pertama adalah, pengkaji akan menemubual respondan yang terdapat disekitar kawasan masjid kajian untuk mendapatkan maklumat berkaitan masjid. Kategori yang kedua pula adalah, pengkaji akan menemubual pakar dan tokoh yang mahir mengenai kajian yang dijalani.

Pengkaji akan menemubual dua hingga tiga orang responden yang tinggal berdekatan dan mempunyai pengetahuan yang banyak masjid yang dikaji. Selain itu, pengkaji akan mendapatkan temubual bersama dengan imam masjid, siak masjid dan ahli jawatankuasa kampung untuk mendapatkan maklumat lengkap mengenai masjid

tersebut. Dua kategori temubual ini dijalankan bagi mendapatkan semua maklumat-maklumat yang berkaitan dengan masjid.

3.2.5 Analisis Dokumen

Melalui kaedah kajian ini, pengkaji akan meneliti dan menelaah semua dokumen yang berkaitan dengan masjid lama. Hal ini kerana, penelitian dan analisis dokumen yang dijalankan akan memberi maklumat yang tepat dan lebih mendalam mengenai subjek kajian. Antara dokumen yang akan dianalisis adalah Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 Bahagian VI – Masjid, Kaedah-Kaedah Masjid (1998) (*Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Pahang (Enakmen No. 3 1991*, n.d.) , dan Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan Budaya, Jabatan Warisan Budaya . Selain daripada melakukan analisis dokumen tersebut, pangkaji juga akan mendapatkan sumber maklumat daripada bacaan dokumen penyelidikan yang terdapat di dalam perpustakaan seperti tesis, buku, majalah, jurnal dan kajian ilmiah.

3.3 Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan kaedah atau langkah yang digunakan untuk mengumpulkan data-data yang berkaitan dengan sesebuah kajian penyelidikan. Instrumen kajian juga berfungsi sebagai alat untuk mengumpul data bagi menjawab segala persoalan dan objektif kajian yang dijalankan. Instrumen kajian juga boleh diklasifikasikan sebagai proses menyediakan alat untuk mengumpul data atau apa-apa alat, cara atau kaedah untuk memperolehi data kajian. Kaedah ini diperlukan untuk membantu pengkaji memahami konsep,

objektif kajian, persoalan kajian dan segala maklumat berkaitan kajian. Antara kaedah yang akan digunakan oleh pengkaji adalah kaedah temubual, rakaman foto dan kaedah pemerhatian. Kaedah-kaedah ini tergolong dalam kategori kaedah kualitatif.

3.4 Prosedur Pungutan Data

Prosedur pungutan data merupakan langkah atau sebuah proses yang perlu dilakukan sebelum pengkaji menjalankan kajian lapangan di kawasan kajian. Langkah yang pertama dilakukan adalah, pengkaji perlu mendapatkan surat kebenaran untuk menjalankan kajian penyelidikan di kawasan-kawasan kajian daripada pihak fakulti. Pengkaji juga akan mendapatkan kebenaran melakukan kajian lapangan daripada penyelia dan memaklumkan kepada penyelia mengenai tarikh, masa dan tempat kajian lapangan. Surat kebenaran ini penting kerana ianya merupakan bukti yang menyokong pengkaji bagi menjalankan sesbuah kajian. Seterusnya, pengkaji juga akan mengunjungi perpustakaan dan berjumpa dengan pensyarah elektif Konservasi Warisan untuk mendapatkan rujukan dan kajian lepas mengenai projek penyelidikan yang dijalankan.

Selain itu, pengkaji akan meminta kebenaran daripada para responden sebelum menjalankan sesi temubual bagi memberi makluman awal kepada para responden mengenai kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Semasa menjalankan kajian lapangan, pengkaji akan memaklumkan secara lisan mengenai projek kajian kepada para responden yang terlibat. Hal ini untuk mendapatkan keizinan dan kebenaran daripada responden untuk melakukan proses temubual dan rakaman foto. Oleh itu, para responden akan berasa lebih selesa dengan

pengkaji. Prosedur ini amat penting untuk dijalankan bagi memastikan proses kajian lapangan dijalankan tanpa sebarang masalah.

3.5 Jangkaan Dapatan Kajian

Hasil daripada kajian penyelidikan ini dijangkakan akan dapat dijadikan sebagai sebuah rujukan untuk membantu para penyelidik dan pelajar akan datang dalam mengenal pasti nilai sejarah dan kepentingan masjid lama yang terdapat di negeri Pahang. Dapatan kajian ini juga akan dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat setempat bahawa masjid lama yang terdapat di kawasan mereka merupakan aset warisan yang perlu dipelihara dengan sebaiknya. Melalui kajian ini juga, senarai lengkap masjid-masjid lama yang terdapat di negeri Pahang dapat dikenal pasti dan segala maklumat yang mempunyai hubung kait dengan masjid-masjid lama ini dapat dihuraikan serta dipelajari dengan lebih mendalam.

Selain itu, hasil dapatan kajian penyelidikan ini juga akan dapat menyampaikan gambaran yang jelas berkenaan dengan prosedur pemuliharaan masjid-masjid lama yang perlu dititikberatkan oleh pihak-pihak tertentu. Keberkesanan dalam menjalankan kajian ini akan menjadi batu loncatan untuk memastikan masjid lama di negeri Pahang ini dipulihara dan diiktiraf sebagai sebuah aset warisan yang penting kepada negeri Pahang seterusnya mampu diangkat sebagai warisan negara.

3.6 Penutup

Kesimpulannya, metodologi kajian adalah suatu instrumen penting dalam menyelesaikan kajian yang dilakukan. Hal ini dikatakan demikian kerana, segala maklumat yang mempunyai kaitan dengan penyelidikan akan dapat dikumpulkan semasa proses metodologi kajian dijalankan. Sekiranya bahagian metodologi ini tidak dijalankan, pengkaji tidak akan mempunyai maklumat yang tepat mengenai kajian dan seterusnya menyukarkan kajian dilakukan.

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa metodologi kajian ini amat penting untuk dilakukan dalam sesbuah penyelidikan. Hal ini kerana, kaedah metodologi yang dijalankan akan membantu pengkaji dalam menyelesaikan kajian. Hasil yang diperolehi dalam proses ini akan membantu pengkaji untuk memperincikan setiap maklumat-maklumat yang akan dititikberatkan dalam menyiapkan kajian.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab 4 merupakan bahagian yang akan menjelaskan dan menguraikan segala maklumat yang diperolehi oleh pengkaji berdasarkan objektif kajian. Dalam menyelesaikan kajian penyelidikan ini, bahagian ini merupakan bahagian yang penting kerana ianya digunakan untuk merungkai segala permasalahan kajian dan objektif kajian seperti yang telah dinyatakan didalam bahagian kajian yang terdahulu. Dalam menyelesaikan bahagian yang meliputi ketiga-tiga objektif kajian ini, pengkaji akan mengetahui sejarah masjid-masjid lama yang terdapat di negeri Pahang. Untuk mencapai objektif kajian pertama, pengaji telah melakukan kajian pemerhatian dan analisis dokumen untuk mendapatkan maklumat lengkap berkenaan sejarah-sejarah masjid lama di negeri Pahang.

Semasa mendapatkan maklumat berkenaan objektif kedua iaitu untuk mengetahui pengaruh rekabentuk tipologi fasa masjid-masjid lama yang terdapat

di negeri Pahang, pengkaji juga telah menggunakan kaedah pemerhatian dan analisis dokumen. Pengkaji telah melakukan kajian lapangan untuk mendapatkan pemerhatian dan maklumat berdasarkan jenis dan pengaruh rekabentuk yang digunakan pada binaan struktur bangunan masjid lama. Manakala untuk objektif ketiga iaitu bagi mengetahui tahap keprihatinan masyarakat setempat terhadap usaha-usaha pemuliharaan masjid-masjid lama di negeri Pahang, pengkaji telah melakukan kajian secara temubual. Kaedah temubual yang dilakukan ini telah melibatkan beberapa orang penduduk yang tinggal berhampiran dengan kawasan masjid yang dikaji.

Kajian penyelidikan ini telah berlangsung di empat buah daerah yang terdapat di negeri Pahang iaitu Kuala Lipis, Jerantut, Chenor dan daerah Temerloh. Keempat-empat daerah ini telah dikenalpasti memiliki lima buah masjid lama dengan ciri-ciri yang menepati kehendak kajian yang dilakukan. Kaedah kajian yang dijalankan telah membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang dikehendaki dalam menyelesaikan kajian penyelidikan.

Hasil daripada kaedah kajian yang dijalankan telah membuktikan bahawa masjid-masjid lama di negeri Pahang mempunyai sejarah dan keunikannya yang tersendiri. Seni binanya yang masih kukuh dan tidak roboh walaupun telah mencecah usia ratusan tahun telah menunjukkan kehebatan dan keunikan senibina terdahulu. Justeru itu, wajarlah masjid-masjid lama ini diiktiraf sebagai sebuah warisan yang perlu dipelihara sehingga mampu menjadi warisan kepada negeri Pahang dan negara khususnya.

4.2 Analisis Demografi Responden

Responden merupakan memberi maklumat atau orang yang memberi maklumat kepada pengkaji melalui pelbagai kaedah kajian yang dilakukan. Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah menemubual beberapa orang responden untuk mendapatkan berdasarkan kajian yang dijalankan. Pengkaji telah menemubual 8 orang responden yang terdiri daripada lima orang lelaki dan 3 orang perempuan. Responden yang telah ditemubual merupakan ajk masjid, pihak masjis perbandaran daerah, penghulu kampung dan juga mengunjung tetap masjid-masjid yang dikaji. Pengkaji akan menunjukkan bilangan serta maklumat mengenai responden didalam sebuah jadual.

Jadual 4.2 : Nama-Nama Responden Kajian

Bil	Nama Responden	Tarikh Temubual	Kod Responden
1	Encik Ahmad Ridwan bin Osman (Pengunjung Masjid)	24/11/2021	R1
2	Puan Rozelawati binti Rahim Hamid (Pembantu Tadbir N9 Majlis Daerah Lipis)	24/11/2021	R2
3	Encik Saiful Riduan Bin Awang Mustaffar (Penolong Arkitek Landskap Majlis Daerah Lipis)	24/11/2021	R3
4	Encik Mohd Syakir Bin Mohd Ali (Pengunjung Masjid)	16/12/2021	R4
5	Puan Khasimah Binti Mahmod (AJK Masjid Kampung Pantai)	25/11/2021	R5

6	Encik Shahrul Nizam Bin Abdul Halim (Pembantu Awam Pejabat Penghulu Chenor Seberang)	25/11/2021	R6
7	Encik Ahmad Burhanuddin Hamidi Bin Mokhtar (Penghulu Kampung Chenor Seberang)	25/11/2021	R7
8	Puan Azizah Binti Wahid (Penjaga Masjid)	16/12/2021	R8

4.3 Masjid Negeri Lama, Kuala Lipis, Pahang.

4.3.1 Sejarah Masjid Negeri Lama, Kuala Lipis, Pahang

Masjid Negeri Lama Kuala Lipis ini telah dibina pada tahun 1888 oleh saudagar bernama Syeikh Habib Hasan. Beliau merupakan seorang saudagar dari Arab Yaman yang telah ikut berdagang ke Tanah Melayu. Pembinaan masjid ini dilakukan pada tahun 1888 menggunakan tanah yang telah diwakafkan oleh Habib Hasan. Masjid ini dijadikan sebagai sebuah masjid negeri pada tahun 1898 kerana ianya terletak di daerah Kuala Lipis yang merupakan ibu negeri kepada negeri Pahang. Walaubagaimanapun, masjid ini telah dipindahkan ke daerah Kuantan pada tahun 1955 kerana Kuantan telah ditukarkan sebagai ibu negeri Pahang yang baru.

Masjid ini telah siap dibina ini telah dijadikan sebagai pusat ibadat, pusat kegiatan umat Islam dan turut menjadi pusat penyebaran agama Islam di daerah Lipis pada masa tersebut. Masjid berusia 133

tahun ini diperbuat daripada batu dan papan ini terletak berhampiran dengan Sungai Jelai. Uniknya, walaupun terletak berhampiran dengan sungai, masjid ini tidak pernah sekalipun ditenggelami air banjir meskipun daerah Lipis dilanda banjir besar.

Pada awal penubuhan masjid ini, masjid ini telah berfungsi sebagai tempat solat berjemaah lima waktu, solat jumaat dan juga turut digunakan untuk kerja-kerja masyarakat komuniti Islam setempat. Masjid ini menjadi masjid yang penting kepada masyarakat Islam pada masa tersebut kerana ianya merupakan pusat tumpuan bagi penduduk-penduduk di sekitar masjid tersebut. Namun begitu, pembinaan masjid baru iaitu Masjid Sultan Mahmud pada tahun 1971 telah mengehadkan penggunaan Masjid Negeri Lama kepada penggunaan untuk solat jemaah lima waktu dan sebagai tempat rehat para musafir sahaja. Selain itu, masjid ini juga turut menjadi tempat persinggahan para gelandangan yang ingin berehat dan mendapatkan bantuan makanan.

Oleh yang demikian, masjid ini telah menjadi terbiar dan tidak diuruskan dengan baik. Berikutan kejadian tersebut, Persatuan India Muslim Lipis telah menggunakan peruntukan daripada bajet persatuan mereka untuk berusaha membaik pulih masjid tersebut. Antara langkah yang telah diambil adalah, Persatuan India Muslim ini telah memohon agar masjid ini dijadikan sebagai sebuah madrasah untuk kegunaan anak-anak masyarakat India Muslim dan juga masyarakat Islam di Kawasan tersebut. masjid ini telah diubah nama kepada Masjid Negeri Lama, Madrasatul Firdaus, Kuala Lipis.



Rajah 4.1 : Masjid Negeri Lama, Madrasatul Firdaus, Kuala Lipis

(Sumber : Rakaman Foto di Kajian Lapangan)(24/11/2021)

4.3.2 Pengaruh Rekabentuk Dan Tipologi Fasad Masjid Negeri Lama, Kuala Lipis, Pahang

Masjid lama ini telah dibina dengan menggunakan pengaruh daripada Sumanteria, Indonesia. Binaan bumbung meru satu tingkat ini adalah sama dengan ciri bangunan masjid dari Sumatera, Indonesia. Masjid Negeri Lama ini mempunyai bumbung meru satu tingkat manakala masjid ini pula mempunyai dua tingkat bumbung meru. Pada bahagian atap menara masjid pula terdapat sebuah mahkota atap atau hias buah buton.

Bahagian dinding masjid ini pula dibina dengan menggunakan unsur daripada kayu dan juga bahan-bahan semula jadi yang mudah didapati pada masa tersebut. Oleh kerana masjid ini terletak berhampiran dengan sungai, pengangkutan air seperti bot telah digunakan untuk

membawa kayu-kayu yang digunakan untuk binaan masjid ini. Walaupun masjid ini telah melalui beberapa proses pembaikkan, unsur-unsur asal pada bahagian bumbung dan dinding masjid masih dikekalkan sehingga sekarang.

Antara elemen baru yang telah ditambah pada struktur masjid ini adalah bahagian bersimen pada lantai masjid. Penambahan elemen ini merupakan satu langkah yang penting bagi menjamin kestabilan bangunan masjid yang sudah berusia ratusan tahun ini. Selain itu, pintu *sliding* kaca turut ditambah bagi menggantikan pintu kayu yang lama. Tangga asal didalam masjid ini juga telah ditukar kepada tangga yang baru kerana ianya sudah tidak dapat digunakan lagi.

4.4 Masjid Lama Pulau Tawar, Jerantut, Pahang

4.4.1 Sejarah Masjid Lama Pulau Tawar, Jerantut, Pahang

Masjid lama pulau tawar ini terletak di daerah jerantut, Pahang. Menurut orang-orang lama di daerah tersebut, tapak asal pembinaan masjid ini telah dilakukan oleh Imam Perang Rasu atau Tok Gajah bersama-sama dengan Mat Kilau serta orang-orang Melayu Pulau Tawar pada awal tahun 1880-an. Masjid ini dianggarkan berusia kira-kira hampir 141 tahun dan telah menjadi saksi detik-detik bersejarah negeri Pahang yang penuh dengan suka duka.

Masjid yang terletak berhampiran dengan sungai Pahang ini dahulunya pernah menjadi sebuah pusat penyebaran dan perkembangan agama dan syiar Islam pada tahun ke-18. Hal ini dikatakan demikian

kerana, pada masa tersebut ramai pelajar yang datang dari negeri Kelantan, Terengganu untuk belajar di masjid tersebut. selain daripada menjadi tempat belajar, masjid ini juga telah menjadi markas temat para ulama dan tokoh agama berkumpul. Antara ulama dan tokoh terkenal yang pernah berkumpul di masjid ini merupakan ulama terkenal daripada Sumatera iaitu Allahyarham Imam Malim, Imam Ahmad, Imam Haji Abd Rahim, Imam Daud dan Imam Yahya.

Masjid yang pernah menjadi saksi sejarah dinegeri Pahang ini pernah menjadi tempat pembesar British Hugh Clifford mendarat semasa beliau mengadakan rundingan bersama-sama dengan Tok Gajah dan Mat Kilau. Menurut buku sejarah negeri Pahang, rundingan tersebut diadakan untuk memberikan peringatan kepada Tok Gajah dan Mat Kilau supaya tidak mencampuri urusan pentadbiran Inggeris di negeri Pahang. Makam pahlawan melayu Mat Kilau terletak kira-kira 5 minit daripada masjid ini.

Oleh kerana masjid ini tidak lagi digunakan kerana adanya masjid yang baru di kawasan tersebut, ia telah dibiarkan terbiar dan tidak diuruskan dengan baik. Kini masjid ini telah dijadikan dan berfungi sebagai sebuah maahad tahfiz yang rata-rata penghuninya adalah kanak-kanak lelaki daripada pelbagai lingkungan umur dan dari pelbagai negeri. Masjid ini juga turut berfungi sebagai tempat untuk menyampaikan dakwah islam dan ia juga merupakan masjid yang sering digunakan untuk tujuan-tujuan keagamaan.



Rajah 4.2 : Masjid Lama Pulau Tawar, Jerantut

(Sumber : Rakaman Foto di Kajian Lapangan)(16/12/2021)

4.4.2 Pengaruh Rekabentuk Dan Tipologi Fasad Masjid Lama Pulau Tawar, Jerantut, Pahang.

Masjid Lama Pulau Tawar ini dibina dengan pengaruh dari Minangkabau. Hal ini dikatakan demikian kerana binaan pada bahagian bumbung dan mimbar masjid ini telah didirikan berdasarkan pengaruh dari Minangkabau. Masjid ini juga mempunyai bumbung meru tiga tingat seperti binaan masjid di Sumatera Indonesia. Binaan bumbung masjid secara berlapis ini juga berfungsi sebagai ruang pengudaraan dan ruang pencahayaan bagi bangunan masjid. Ciri binaan bumbung meru berlapis ini amat sesuai dengan suhu panas dan lembab di Tanah Melayu.

Bahagian dalam masjid ini pula mempunyai empat tiang seri yang berfungsi sebagai struktur utama dan paling kukuh dalam bangunan masjid kemudian diikuti oleh tiang-tiang penyokong yang lain. Setelah

siap pembinaan masjid ini pada tahun 1880, masjid ini telah mengalami sedikit perubahan pada tahun 1923. Masjid ini telah dibangunkan dengan wajah yang baru tetapi masih mengekalkan perspektif senibina tradisional berunsurkan kayu dan pelupuh dari hutan-hutan tempatan.

Seterusnya, masjid ini turut mengalami kerosakan teruk akibat daripada kesan banjir besar yang melanda Jerantut. Akibat daripada kerosakan tersebut, berlaku sedikit perubahan pada bahagian bawah masjid iaitu berlakunya pertambahan bahan binaan daripada simen pada bahagian dinding bawah masjid. Penambahan bahan binaan daripada simen ini bertujuan untuk menstabilkan struktur binaan masjid dan untuk mengelakkan daripada berlakunya kerosakan yang lebih teruk. Walaupun mengalami sedikit perubahan, struktur masjid yang lain masih tidak diusik untuk mengekalkan ciri-ciri binaan asal daripada pengaruh Minangkabau.

4.5 Masjid Kampung Pantai, Chenor, Pahang

4.5.1 Sejarah Masjid Kampung Pantai, Chenor, Pahang

Masjid Kampung Pantai ini merupakan sebuah masjid lama yang sudah berusia 102 tahun. Struktur bangunan masjid ini telah mula dibina dari tahun 1918. Masjid Kampung Pantai Chenor dibina dengan tipologi asli masjid Melayu tradisional yang masih mengekalkan bentuk asalnya. Keluasan tanah wakaf tapak pembinaan masjid ini memainkan peranan utama dalam menentukan kedudukan pelan masjid ini, Masjid Kampung Pantai ini telah direka bentuk oleh Engku Wan Mahmud dan dibantu oleh Kadi Ahmad yang juga merupakan kadi besar Chenor pada masa

itu. Sebelum tempoh pembinaan masjid ini, pembinaan bahagian ruang sembahyang telah ditetapkan bahawa ruang sembahyang yang direka adalah dengan bentuk segi empat sama yang boleh menampung 235 orang ahli jemaah masjid.

Menurut Engku Wan Mahmud perancangan reka bentuk pelan Masjid Kampung Pantai ini memakan masa empat tahun kerana pelan perancangan ini telah melalui beberapa kali proses pindaan. Reka bentuk Masjid Kampung Pantai dipercayai adalah dengan pengaruh daripada masjid-masjid yang pernah mereka lawati. Antara pengaruh paling besar adalah pada sudut bumbung yang dikatakan dicontohi daripada rekabentuk bumbung Masjid Lama Pekan yang telah roboh. Masjid Pekan ini merupakan masjid yang menjadi tempat Engku Wan Mahmud menuntut ilmu. Kedudukan kiblat Masjid Kampung Pantai bersudut tetap dengan tebing Sungai Pahang.

Sungai Pahang pada masa itu merupakan satu jalan pengangkutan yang paling mustahak sekali kepada penduduk- penduduk kampung yang berada di Chenor. Oleh kerana masjid ini terletak berhampiran dengan sungai Pahang, masjid ini telah didirikan dengan tiang yang tinggi untuk mengelakkan masjid ini daripada ditenggelami banjir atau air pasang besar.



Rajah 4.3 : Masjid Kampung Pantai, Chenor

(Sumber : Rakaman Foto Di Kajian Lapangan)(25/11/2021)



Rajah 4.4 : Banjir di Kawasan Masjid Kampung Pantai

(Sumber : Koleksi Responden)(21/12/2021)

4.5.2 Pengaruh Rekabentuk Dan Tipologi Fasad Masjid Kampung Pantai, Chenor, Pahang

Masjid Kampung Pantai ini pada asalnya mempunyai dua ruang sahaja di dalam masjid iaitu dewan sembahyang lelaki dan wanita yang dipisahkan dengan tabir dan bahagian serambi masjid. Struktur binaan asal masjid ini tidak menyediakan ruang wuduk dan bahagian-bahagian lain dalam masjid ini telah ditambah secara berperingkat mengikut keperluan semasa pada satu-satu proses penambahbaikan yang dijalankan. Antara ruangan tambahan pada masjid ini adalah ruangan mihrab dan serambi yang lebih besar daripada serambi asal masjid. Penambahan ruangan mihrab pada bahagian hadapan dewan sembahyang masjid ini dilakukan tanpa menjelaskan bahagian asal bumbung Masjid Kampung Pantai.

Masjid Kampung Pantai Ini dibina dengan ciri-ciri masjid Melayu tradisional dengan sedikit pengaruh daripada Sumatera Indonesia. Pengaruh daripada sumatera Indonesia ini dapat dilihat dengan jelas pada bahagian bumbung masjid ini iaitu mempunyai struktur bumbung meru tiga lapis yang ditampung oleh empat tiang seri daripada kayu berlian di dalam bahagian dewan sembahyang masjid. Selain daripada pengaruh bumbung meru tiga lapis, pelan asal masjid ini adalah ringkas iaitu berbentu segi empat sama atau segi empat tepat. Masjid ini juga mempunyai sisir angin pada setiap bahagian atas tingkap masjid untuk tujuan pengudaraan.

Bumbung meru tiga lapis dibina dengan beberapa lapisan bumbung yang disusun secara meninggi seperti sebuah pagoda dan dilihat berbentuk seperti sebuah piramid (Johar et al., 2011). Pada bahagian atas atap bumbung ini juga terdapat sebuah ragam hiasa atau dikenali juga sebagai mahkota atap yang menjadi hiasan kepada lapisan bumbung meru tiga lapisan. Ragam hias pada atap masjid ini juga merupakan pengaruh daripada rekabentuk masjid-masjid di Sumatera Indonesia.


Menurut (Johar et al., 2011) ciri-ciri Masjid Tradisional Melayu yang terdapat pada masjid ini pula adalah susun atur ruangan dalaman masjid yang tidak kompleks dan hanya mempunyai ruang-ruang untuk menepati kehendak aktiviti ibadah sahaja. konsep yang diamalkan dalam pembinaan masjid pengaruh Tradisional Melayu ini pula adalah lebih terbuka dan tidak mempunyai sekatan dinding.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



Rajah 4.5 : Bumbung Meru Tiga Lapis Masjid Kampung Pantai

(Sumber : Rakaman Foto di Kajian Lapangan)(25/11/2021)



Rajah 4.6 : Tiang Seri Masjid Kampung Pantai

(Sumber : Rakaman Foto di Kajian Lapangan)(25/11/2021)



Rajah 4.7 : Dewan Solat Masjid Kampung Pantai

(Sumber : Rakaman Foto Di Kajian Lapangan)(25/11/2021)



Rajah 4.8 : Sisir Angin Masjid Kampung Pantai

(Sumber : Rakaman Foto di Kajian Lapangan)(25/11/2021)

4.6 Masjid Lama Kampung Bolok Hilir, Temerloh, Pahang

4.6.1 Sejarah Masjid Lama Kampung Bolok Hilir, Temerloh, Pahang

Masjid Lama Kampung Bolok Hilir yang terletak di mukim Semantan, Lanchang daerah Temerloh, Pahang ini telah dibina pada sekitar tahun 1930-an kini telah berusia sekitar hampir 91 tahun. Pada awal pembinaannya, masjid ini telah diusahakan oleh 6 orang bersaudara iaitu Tok Empat Haji Long, Khatib Bakar Bin Imam Yahya, Haji Jaludin Bin Imam Yahya, Khabib Awang Bin Imam Yahya, Bilal Tahar Bin Kasim dan Bilal Ripin. 6 orang bersaudara ini merupakan individu yang bertanggungjawab dalam mengusahakan pembinaan masjid lama.

Semasa awal tempoh penggunaan masjid ini, selain berfungsi sebagai tempat teribadat, masjid ini juga telah dijadikan sebagai sebuah kelas mengaji dan kelas bimbingan agama. Kedua-dua kelas ini merupakan aktiviti penting pada masa tersebut bagi melancarkan proses penyebaran agama Islam. Masjid ini gah digunakan sehingga tahun 1963 apabila sebuah masjid yang baru dan lebih besar telah siap dibina berhampiran dengan kawasan Masjid Lama Kampung Bolok Hilir. Kewujudan masjid baru yang terletak kira-kira 5 minit dari masjid ini telah mengantikan fungsi Masjid Lama Kampung Bolok Hilir sebagai sebuah tempat ibadat yang mampu menampung lebih ramai jumlah jemaah pada satu-satu waktu solat.

Oleh kerana masjid ini tidak lagi digunakan untuk tujuan ibadat, Ketua Kampung Bolok Hilir dan ahli JKRR Kampung Bolok Hilir telah sepakat untuk menyerahkan masjid ini merangkumi seluruh kawasan

masjid untuk dipulihara dan dinaiktaraf sebagai sebuah masjid warisan. Dalam mencapai objektif tersebut, JKKR Kampung Bolok Hilir telah bekerjasama dengan Balai Seni Lukis Negara melalui Kelab Kebajikan, Sukan dan Rekreasi (KSuRe) dan dengan peruntukan kewangan daripada Jabatan Warisan Negara serta SPAZ Sdn.Bhd.



Rajah 4.9 : Masjid Lama Kampung Bolok Hilir, Temerloh

(Sumber : Rakaman Foto di Kajian Lapangan)(16/12/2021)



Rajah 4.10 : Papan Tanda Masjid Lama Kampung Bolok Hilir, Temerloh

(Sumber : Fakaman Foto di Kajian Lapangan)(16/12/2021)

4.6.2 Pengaruh Rekabentuk Dan Tipologi Fasad Masjid Lama Kampung Bolok Hilir, Temerloh Pahang.

Masjid yang telah menjangkau usia hampir satu abad ini merupakan antara salah sebuah masjid tertua yang didirikan di negeri Pahang. Masjid ini didirikan dengan keluasan 30 kaki x 30 kaki dengan bentuk segi empat tepat. Menariknya, masjid ini dibina menggunakan kayu jenis cengal dan mempunyai atap zink dengan ciri bumbung lima satu tingkat yang dipasang secara ragam hias buah buton atau mahkota atap pada bahagian puncak bumbung masjid. Hal ini menjadikan masjid ini sebagai sebuah masjid yang unik dengan pengaruh rekabentuk dari Sumatera, Indonesia.


Meskipun masjid ini kelihatan sangat kecil, ianya mempunyai ruangan solat yang luas dan mampu memuatkan anggaran sehingga 50 orang jemaah pada satu-satu waktu solat. Bahagian yang paling unik pada binaan masjid ini adalah pada bahagian bumbung. Sekiranya dilihat pada bahagian luar masjid, masjid ini diihat seperti mempunyai satu tingkat bumbung sahaja tetapi pada bahagian dalam masjid dapat dilihat dengan jelas bahawa terdapat dua ruangan atap. Ruangan pertama di atas siling bumbung berfungi sebagai loteng atau ruangan menyimpan barang dan ruangan kedua pula berfungi sebagai ruang azan.

Rekaan unik seterusnya yang dimiliki oleh masjid ini adalah, masjid ini mempunyai sisir angin dengan motif daripada China. Penggunaan motif ruang pengudaraan daripada China ini digunakan kerana salah seorang daripada orang yang terlibat dengan pembinaan awal masjid ini merupakan seorang tukang kayu yang berasal dari negara China. Sisir angin ini masih boleh dilihat dengan jelas sehingga hari ini kerana ianya masih kukuh dan tidak mengalami sekarang kerosakan yang jelas. Masjid ini turut mempunyai ruang pengudaraan berbentuk bulat pada ruangan mihrab tetapi ruang udara ini telah ditutup menggunakan bingkai ayat-ayat suci Al-Quran bagi mengelakkan haiwan daripada memasuki masjid ini.



Rajah 4.11 : Ruangan Dalam Bumbung Masjid Lama Kampung Bolok Hilir, Temerloh

(Sumber : Rakaman Foto di Kajian Lapangan)(16/12/2021)



Rajah 4.12 : Sisir Angin Masjid Lama Kampung Bolok Hilir, Temerloh

(Sumber : Rakaman Foto di Kajian Lapangan)(16/12/2021)



Rajah 4.13 : Ruang Pengudaraan Mihrab Masjid Lama Kampung Bolok Hilir, Temerloh

(Sumber : Rakaman Foto di Kajian Lapangan)(16/12/2021)

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.7 Tahap Keprihatinan Masyarakat Terhadap Usaha-Usaha Pemuliharaan Masjid Lama Di Negeri Pahang

4.7.1 Masjid Negeri Lama Kuala Lipis, Pahang

Pengkaji telah menemuramah R1 iaitu seorang pensyarah Institut Perguruan Kuala Lipis, Pahang. R1 merupakan anak jati Kuala Lipis yang telah menetap selama 44 tahun di daerah ini. R1 juga merupakan seorang pengunjung tetap masjid ini. Kunjungan beliau ke masjid ini menunjukkan bahawa beliau sedar akan kewujudan masjid ini tetapi tidak mengetahui dengan jelas mengenai sejarah lengkap berkenaan masjid ini.

Pada pandangan R1, beliau berpendapat bahawa masjid ini perlu dipulihara untuk mengekalkan keistimewaan yang ada pada masjid ini. Beliau beranggapan bahawa masjid ini perlu dipulihara kerana masjid ini merupakan bukti penyebaran agama Islam di daerah Kuala Lipis serta mengambarkan komitmen masyarakat terhadap agama Islam kerana masjid ini merupakan masjid utama pada era kegemilangannya. Selain itu, R1 juga menyatakan bahawa masjid ini merupakan antara masjid yang gemar dikunjungi oleh masyarakat yang tinggal dan bekerja berhampiran dengan masjid ini.

Namun, menurut R1 berkenaan dengan soalan jenis pemuliharaan yang dijalankan, beliau tidak dapat menjawab persoalan yang diajukan dengan tepat. Hal ini kerana, R1 tidak mengetahui dengan jelas dan tepat berkenaan langkah dan jenis pemuliharaan sesebuah bangunan warisan. R1 juga tidak menjawab persoalan mengenai perbezaan proses

pemuliharaan masjid lama dan masjid baru. R1 hanya menyatakan bahawa proses pemuliharaannya berbeza tetapi tidak mengetahui dengan jelas mengenai perbezaan proses pemuliharaan tersebut.

Bagi R1, pemuliharaan Masjid Lama Kuala Lipis ini merupakan satu aspek warisan yang perlu dipulihara bagi meningkatkan aktiviti pelancongan di daerah Kuala Lipis. Beliau juga berpendapat bahawa masjid lama ini perlu dikekalkan untuk mengeTengahkan warisan sejarah Islam yang ada di Kuala Lipis. Bagi menjawab persoalan mengenai penglibatan masyarakat dengan proses pemuliharaan masjid, R1 menyatakan bahawa beliau berminat untuk melibatkan diri dengan program yang dijalankan. Hal ini kerana, R1 ingin menyumbang khidmat dari sudut agama juga kepada masyarakat. R1 juga telah menyatakan bahawa beliau tidak bersetuju sekiranya masjid warisan ini dirobohkan untuk tujuan pembinaan masjid baru di atas tapak masjid lama kerana nilai warisan yang dimiliki oleh masjid ini tidak akan dapat diganti dengan kepentingan pembinaan masjid baru.





Rajah 4.14 : Encik Ahmad Ridwan Bin Osman (R1)

(Sumber : Rakaman Foto Kajian Lapangan)(24/11/2021)

Responden kedua ialah Puan Roselawati Binti Rahim Hamidi. Beliau merupakan seorang Pembantu Tadbir N9 di Majlis Daerah Kuala Lipis. R2 juga merupakan seorang penduduk tetap di daerah Kuala Lipis dan telah membesar dengan mengenali masjid warisan ini. R2 berpendapat bahawa masjid lama ini perlu dipulihara kerana keunikan dan keistimewaan yang dimiliki oleh masjid ini. R2 tidak dapat menjawab persoalan mengenai jenis pemuliharaan yang perlu dijalankan keatas masjid-masjid lama. Hal ini kerana, R2 tidak mempunyai pengetahuan yang jelas mengenai langkah dan jenis pemuliharaan sesebuah bangunan warisan.

R2 juga menyatakan bahawa beliau tidak tahu akan perbezaan proses pemuliharaannya masjid lama dan masjid baru. R2 menyatakan bahawa beliau setuju masjid lama ini dipulihara dengan baik kerana

keistimewaan yang terdapat pada masjid ini dapat membantu menaikkan sektor pelancongan daerah Kuala Lipis. Hal ini juga akan membantu meningkatkan ekonomi dan menyumbang kepada pendapatan peniaga-peniaga berhampiran masjid lama ini. Bagi menjawab persoalan mengenai penglibatan masyarakat dengan aktiviti pemuliharaan masjid, R2 menyatakan minat dan rasa ingin terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Beliau juga telah menyatakan rasa tidak setuju sekiranya masjid lama ini dirobohkan untuk tujuan pembinaan masjid baharu kerana kepentingan yang dimiliki oleh masjid ini akan memberi manfaat kepada masyarakat di sekitar masjid lama ini.



Rajah 4.15 : Puan Roselawati Binti Rahim Hamid (R2)

(Sumber : Rakaman Foto Kajian Lapangan)(24/11/2021)

Responden ketiga adalah Encik Saiful Riduan Bin Awang Mustaffir. Beliau merupakan Penolong Arkitek Lanskap di Majlis Daerah Kuala Lipis. R3 telah menetap di daerah Kuala Lipis ini selama

23 tahun dan telah terlibat secara langsung dalam pelan cadangan dan spesifikasi pembangunan terperinci ke atas masjid lama ini pada tahun 2010. R3 juga merupakan antara orang kuat yang telah menyumbang kepada beberapa penambahbaikan pada masjid ini. Walaupun R3 bukan anak jadi daerah Kuala Lipis, tugas yang disandang oleh beliau di Majlis Daerah Kuala Lipis ini telah memberi kesedaran kepada beliau mengenai kewujudan masjid warisan ini.

Sebagai seorang Penolong Arkitek Landskap, R3 mengetahui serba sedikit mengenai perbezaan jenis pemuliharaan masjid lama dan masjid baru. R3 telah menyatakan bahawa proses pemuliharaan masjid lama adalah lebih kompleks dan perlu dilakukan dengan berhati-hati bagi mengurangkan risiko kerosakan keatas masjid lama ini. Hal ini kerana, bahan-bahan masjid lama ini adalah sangat sensitif dan mudah rosak jika tidak dikendalikan dengan baik.

Pada pendapat R3, beliau beranggapan bahawa pemuliharaan masjid lama amat penting kerana masjid ini mempunyai rekabentuk dan senibina yang sangat unik berbanding dengan binaan masjid moden yang ada di negeri Pahang pada zaman sekarang. Seterusnya mengenai persoalan penglibatan dengan proses pemuliharaan, R3 tidak keberatan untuk sekali lagi terlibat dan turut serta dalam menjalankan kerja-kerja pemuliharaan masjid lama ini. Selain itu, R3 juga dengan sekerasnya menolak dan tidak bersetuju sekiranya masjid lama ini dirobohkan untuk pembangunan masjid baru.



Rajah 4.16 : Encik Saiful Riduan Bin Awang Mustaffir (R3)

(Sumber : Rakaman Foto Di Kajian Lapangan)(24/11/2021)

4.7.2 Masjid Lama Pulau Tawar, Jerantut, Pahang

Responden yang ditemuramah di Masjid Lama Pulau Tawar Jerantut adalah Encik Mohd Syakir Bin Mohd Ali. Beliau merupakan salah seorang pengunjung tetap masjid lama ini. R4 sering mengunjungi masjid ini untuk tujuan keagamaan dan juga untuk melawat sahabat baiknya yang merupakan pengasas kepada pusat tahlif masjid ini. R4 juga merupakan penduduk daerah Jerantut ini dan beliau telah mengenali masjid ini sejak masih kecil.

Namun begitu, mengenai persoalan berkenaan jenis pemuliharaan dan perbezaan proses pemuliharaan masjid lama dan masjid baru, R4 tidak dapat menjawab dengan jelas. Hal ini kerana, R4 tidak mempunyai pengetahuan berkenaan jenis dan perbezaan pemuliharaan masjid. R4

juga menyatakan bahawa masjid ini wajar dipulihara kerana masjid ini telah menjadi bukti kepada penyebaran agama Islam di daerah Jerantut dan Pahang. R4 juga menyatakan bahawa beliau juga tidak keberatan untuk menyumbangkan perkhidmatan dan juga sumbangan kewangan untuk membantu dalam proses-proses pemuliharaan masjid ini. R4 juga turut menyatakan bahawa beliau tidak setuju dan akan menolak sekiranya masjid ini perlu dirobohkan untuk member laluan kepada pembinaan masjid baru yang lebih moden.



Rajah 4.17 : Encik Mohd Syakir Bin Mohd Ali (R4)

(Sumber : Rakaman Foto Di Kajian Lapangan)(16/12/2021)

4.7.3 Masjid Kampung Pantai, Chenor, Pahang

Responden bagi Masjid Kampung Pantai adalah Puan Khasimah Binti Mahmud (R5) dan Encik Shahrul Nizam Bin Abdul Halim (R6).

Kdua-dua orang responden ini merupakan penduduk asal daerah Chenor. Mereka telah didedahkan dengan masjid ini sejak mereka masih kecil dan sering terlibat dengan semua aktiviti yang diadakan di kawasan masjid ini. R5 merupakan salah seorang daripada AJK masjid yang bertanggungjawab menguruskan masjid ini manakala R6 pula adalah pembantu kepada penghulu kampung chenor seberang.

R5 dan R6 sedar akan kepentingan pemuliharaan masjid ini. Oleh itu, mereka sering terlibat dengan semua aktiviti yang berkaitan dengan masjid ini. Namun begitu, R5 dan R6 tidak mengetahui jenis dan perbezaan proses pemuliharaan masjid lama. Kedua-dua orang responden ini juga bersetuju bahawa masjid warisan ini perlu dipulihara dengan baik. Hal ini kerana, masjid ini merupakan identiti utama serta daya tarikan penting kepada kampung ini. R5 dan R6 juga tidak keberantan untuk memberikan kerjsama dan sama-sama berganding usaha dalam proses pemuliharaan Masjid Kampung Pantai. Mereka juga tidak bersetuju untuk merobohkan masjid lama ini untuk tujuan pembinaan masjid baru kerana masjid baru yang lebih moden telah di kampung ini.



Rajah 4.18 : Puan Khasimah Binti Mahmod (R5)

Encik Shahrul Nizam Bin Abdul Halim (R6)

(Sumber : Rakaman Foto Di Kajian Lapangan)(25/11/2021)

